



Muzakarah

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

KERTAS KERJA
MAZHAB SHAFI'I
WADAH PERPADUAN UMMAH DAN
PENYERAGAMAN AMALAN SYARIAH
DI MALAYSIA

Disediakan Oleh:
PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM EL MUHAMMADY

Tarikh:
26 JANUARI 2016 (SELASA)

Tempat:
**AMANJAYA CONVENTION CENTRE
CASUARINA@MERU, BANDAR MERU RAYA
IPOH, PERAK.**

MAZHAB SHAFI'I WADAH PERPADUAN UMMAH DAN PENYERAGAMAN AMALAN SYARIAH DI MALAYSIA

ABDUL HALIM EL-MUHAMMADY

PENDAHULUAN

Bagi memenuhi keperluan tajuk di atas, maka kertas kerja ini akan membincangkan sub-tajuk berikut iaitu bertapaknya mazhab shafi'I di negeri-negeri melayu, gerakan mencabar autoriti institusi agama, Bid'ah dari kacamata jumhur ulama', sumbangan ulama mazhab kepada ilmu dan kemasyarakatan, Pandangan beberapa Ulama' kontemporari tentang aliran tidak bermazhab dan aliran Salafi, saranan-saranan, penutup dan lampiran.

BERTAPAKNYA MAZHAB SHAFI'I

1. Kedatangan Islam ke Malaysia

Penentuan tarikh kedatangan Islam ke Malaysia belum mendapat kata sepakat di kalangan ahli sejarah, cuma secara umumnya mereka menerima bahawa kedatangan Islam ke sebelah sini di antara abad ke 13M dan 14M.¹ Walau bagaimanapun, penemuan-penemuan baru pada batu-batu bersurat yang dijumpai di Pahang², Kedah³ dan mata wang emas di Kelantan⁴ menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Malaysia adalah tarikhnya lebih awal dari apa yang telah ditentukan sebelumnya.

Pendakwah-pendakwah yang menyebarkan Islam di Malaysia itu adalah datangnya dari luar. Ahli sejarah tidak ada kata sepakat tentang dari mana asalnya pendakwah-pendakwah yang mula datang ke Malaysia. Dalam masalah ini ada dua pendapat yang diberikan; satu pendapat mengatakan pendakwah-pendakwah itu datang dari negara Arab⁵, pendapat ini diterima sebelum tahun 1885, ada pun selepas tahun 1885, timbul pula pendapat kedua yang

¹ Untuk mengetahui lebih lanjut tentang teori kedatangan Islam ke Malaysia, lihat Cesar Adib Majul, 1973, *Muslims in the Philippines*, Quezon City, Philippines; Sayed Naquib al-Attas, 1969, *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay, Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur, dan S.Q Fatimi, 1963, *Islam comes to Malaysia*, Singapore.

² Batu nisan yang dijumpai di Pekan Pahang menunjukkan tarikh di atasnya 14 Rabi'ul-Awal, tahun 419H. Lihat Mukhtar Shafie, "Batu Nisan kurun ke 5H/10M di Pekan Pahang dalam Tamadun Islam di Malaysia", 1980, Kuala Lumpur, hlm. 15.

³ Batu nisan yang dijumpai di Tanjung Inggeris, Kedah menunjukkan tarikh di atasnya 291H/903M. Lihat Mastika, bil. 10, 1965, hlm. 34. Selain itu ada maklumat lain yang menunjukkan bahawa saudagar-saudagar Arab Islam yang berada di Canton sewaktu berlaku kekacauan di Cina, lari membawa diri dan berlindung di Kulah (Kedah) dan Pantai Barat Tanah Melayu. Peristiwa ini berlaku dalam masa pemerintahan Maharaja Hi Tsung 265-76H/878-89M. Lihat Sayed Naquib al-Attas. Op.cit.hlm. 11.

⁴ Wang emas yang dijumpai di Kelantan ada mencatatkan tarikh di atasnya 577H/1161M. Lihat Saad Shukri Hj. Muda, Kota Bharu, 1971, "Detik-detik Sejarah Kelantan", hlm. 28.

⁵ Crawford, 1820, *Sir John's History of Indian Arshipelago*, vol. 11, hlm. 28.

mengatakan bahawa pendakwah-pendakwah itu datangnya dari India⁶ dan bukannya dari negara Arab.

Dalam kenyataan di atas, menampakkan perbezaan pandangan tentang asal datangnya pendakwah-pendakwah itu. Tapi, apa yang agak menarik dalam penyelesaian masalah ini ialah kenyataan oleh Sayed Naquib al-Attas, di mana beliau berpandangan bahawa pendakwah-pendakwah itu sebenarnya datang dari satu tempat, iaitu Timur Tengah dan bukannya dari India, cuma mereka itu sebelum sampai ke Nusantara ini kemungkinan melalui India dan juga jalan-jalan lain. Bagi memperkuatkan pendapat ini beliau mengemukakan alasannya iaitu antara lain kefahaman agama yang dibawa oleh pendakwah-pendakwah itu adalah bersifat Timur Tengah dan bukan India, lagi pula kandungan dan cara penghuraian aqidah, pelbagai mazhab ilmu Tasawwuf, peribentuk tulisan jawi serta corak beberapa huruf-hurufnya, nama gelaran bagi hari-hari mingguan, cara melafazkan Qur'an dan beberapa perkara penting lainnya menyatakan ciri-ciri tegas bangsa Arab dan bukannya India sebagai pembawa dan penyebar asli agama Islam di kepulauan Melayu-Indonesia.⁷

Apa pun tarikh penentuan kedatangan Islam ke Malaysia pada abad ke 13M atau 14M, ternyata jelas dalam peringkat masa tersebut, negara-negara Islam telah dipengaruhi oleh mazhab tertentu dari mazhab yang empat. Perkembangan ini sebenarnya berlaku sejak dari abad 4H/10M lagi di mana pada abad ini telah diterima umum bahawa pintu ijtihad telah tidak terbuka lagi dan setiap muslim dikehendaki mengikut salah satu dari mazhab yang empat iaitu Maliki, Hanafi, Shafi'i dan Hanbali. Maka, dengan perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa pendakwah-pendakwah yang datang ke Malaysia itu telah dipengaruhi oleh mazhab tertentu di mana mereka itu berada.

Dilihat kepada catitan yang diberikan oleh ahli sejarah bahawa pendakwah-pendakwah yang datang itu adalah bermazhab Shafi'i; sama ada mereka itu datangnya dari Semenanjung Tanah Arab⁸ atau yang datangnya dari India.⁹ Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa kawasan Hadramaut di Semenanjung Tanah Arab, dan Gujerat di India pada waktu kedatangan Islam ke Malaysia adalah dipengaruhi oleh Mazhab Shafi'i.

Memandang kepada pendakwah-pendakwah itu menganuti mazhab Shafi'i, maka dalam mereka menyampaikan dakwahnya dalam bidang hukum adalah terikat dengan tafsiran mazhab yang mereka anuti, dan natijah dari itu maka masyarakat Malaysia yang menerima Islam dari mereka itu telah terpengaruh dengan mazhab Shafi'i sebagaimana pegangan pendakwah-pendakwah itu sendiri, dan mereka menjadi kuat pegangan kepada mazhab itu

⁶ Harison, 1957, Berian, London, South East Asia: *A Short History*, hlm. 43.

⁷ Lihat Sayed Naquib al-Attas, 1972, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, hlm. 34.

⁸ Crawford, op.cit, hlm. 259-260.

⁹ S.Q. Fatimi, Op.cit, hlm. 6.

sebab mereka tidak pernah didedah dengan tafsiran mazhab yang lain. Jelasnya, mereka mengenal Islam melalui tafsiran mazhab Shafi'i dalam fiqhnya.¹⁰

2. Pengaruh Mazhab Shafi'i

Mazhab Shafi'i adalah mengambil peranan utama dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Malaysia. Mazhab ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat dengan dikembangkan melalui dua saluran; pendidikan dan perundangan. Dalam pentafsiran fiqh, hanya mazhab Shafi'i disebarluaskan dan diperkenalkan. Pengaruh mazhab Shafi'i mula bertapak pada abad kelima belas masih apabila raja Melaka menjadikannya sebagai asas perundangan bagi negeri Melaka dan negeri-negeri di bawah pemerintahannya.

2.1 Pendidikan

2.1.1 Pendidikan Fiqh

Dalam pendidikan tradisional Islam di Malaysia, sama ada pendidikan pondok, masjid dan surau atau sekolah agama sesudah itu, didapati mata pelajaran fiqh adalah dianggap sangat penting dan diajar di institusi-institusi tersebut. Buku-buku teks yang digunakan keseluruhan kandungannya beraliran mazhab Shafi'i; sama ada buku-buku itu dari Bahasa Melayu Klasik dalam tulisan jawi atau buku-buku Bahasa Arab.

Buku-buku teks yang ditulis dalam bahasa Melayu Klasik Jawi yang digunakan adalah kebanyakannya dari tulisan ulama'-ulama' Pattani dan Indonesia.¹¹

Antara buku-buku teks itu ialah karangan Sheikh Dawud b. Sheikh Abdullah al-Fatani; *Kitab Hidayat al-Muta'alim*, *Munat al-Musalli* dan *Kitab Furu' al-Masa'il*; karangan Muhammad b. Ismail Dawud Fatani, *Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* dan *Matla' al-Badrain*; karangan Muhammad Arshad b. Abdullah al-Banjari, kitab *Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaquh fi Amr al-Din* dan karangan Sheikh Nur al-Din Muhammad Jailani b. 'Ali al-Raniri, kitab *Sirat al-Mustaqim*.

Selain itu, kitab-kitab fiqh dalam mazhab Shafi'i yang ditulis dalam bahasa Arab juga digunakan sebagai buku teks. Antaranya ialah karangan Abu Shuja', *al-Ghayah*; karangan Nawawi, *Minhaj al-Talibin*, karangan Zain al-Din al-Malibari *Fath al-Mu'in*, karangan Qalyubi wa 'Umairah, *al-Mahalli*; karangan Sayyid al-Bakri 'l'anat al-Talibin dan karangan Zakaria al-Ansari "Fath al-Wahab bi Sharh Minhaj al-Tullab."¹²

¹⁰ Lihat M.M. Mackeen, 1969, *Contemporary Islamic Legal Organisation in Malaya*. Monograph series No.12, Yale University, Hlm. 50.

¹¹ Untuk melihat sebahagian dari kitab-kitab jawi klasik yang didapati di Malaysia, lihat Mohd. Nor bin Ngah, "Some writings of the traditional Malay Muslim scholars found in a Malaysia," dalam Tamadun Islam di Malaysia, hlm. 9-12.

¹² Lihat Azizan Abdul Razak, 1978, *The Administration of Muslim Law in Malaysia*, hlm. 118, Tesis M.Phil University Kent, UK.

2.1.2 Pendidikan Aqidah

Pendidikan aqidah juga diberikan keutamaan untuk memahami aspek aqidah Islamiah terutamanya tentang ketuhanan, kenabian dan kerasulan, kepercayaan kepada kitab-kitab dan perkara-perkara ghaib (ghaibiyat) seperti mahsyar, qiamat, syurga, neraka, qadha' dan qadar. Bidang ini diajar berdasarkan aliran al-Asyairah yang menjadi asas kepada pegangan aqidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Kitab-kitab yang dijadikan asas dalam bidang ini adalah dari karya-karya ulama' Mazhab Shafi'i seperti kitab Aqaid al-Nasafi, kitab Umm al-Berahim, aqidah al-Najin dan kitab-kitab lain sepertinya.¹³

2.1.3 Pendidikan Tasawwuf

Selain dari fiqh dan Aqidah bidang tasawwuf juga diajar bagi kepentingan untuk pendidikan hati seseorang. Ia memperjelaskan tentang fungsi hati dalam hubungannya dengan Allah s.w.t dari sudut keikhlasan amal, sensitifnya kepada kebenaran dan benci kepada kebatilan serta pembinaan hati dengan sifat-sifat terpuji dan menjauhi sifat-sifat keji.

Pengajian bidang ini berdasarkan kitab-kitab tulisan Imam Al-Ghazali Sseperti kitab Bidayah al-Hidayah dan kitab Ihya Ulum al-Din, kitab Hidayah al-Salikin dan kitab Siyar al-Salikin karangan Abdul Samad al-Falambani. Mereka ini adalah bermazhab Shafi'i.¹⁴

Melalui keseragaman pembinaan pemikiran dan keilmuan dalam bidang-bidang yang disebut di atas, maka lengkaplah proses pembentukan kerangka pemikiran ahli Sunnah wa al-Jamaah yang seragam kepada masyarakat.

Memandangkan kepada asas keilmuan yang diajar di pondok, di surau, di masjid dan sekolah-sekolah agama berdasarkan kitab-kitab di atas, maka sudah cukup untuk melihat sejauh mana kesan dan mendalamnya pengaruh mazhab Shafi'i dan pemikiran ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam masyarakat Malaysia di peringkat awam, atasan dan peringkat ulama'nya. Apabila mereka hanya didedahkan kepada satu aliran pemikiran sahaja sudah sewajarnya timbul sikap berpegang teguh kepada mazhab tersebut. Sikap berpegang kepada mazhab Shafi'i berlaku adalah natijah dari proses penyampaian ilmu demikian. Sebahagian besar dari kitab-kitab di atas masih lagi digunakan sebagai buku teks dalam pengajian fiqh, aqidah dan tasawwuf di Malaysia sehingga masa kini terutamanya di masjid-masjid, sekolah-sekolah

¹³ Lihat Mohd Nor b Ngah, 1980, *Some Writing of the Traditional Malay Muslim Scholars*, Found in Malaysia. Dlm tamadun Islam di Malaysia, hlm. 10-11, persatuan sejarah Malaysia.

¹⁴ Ibid.

1.1 Perundangan

Kesan Islam dan aliran mazhab Shafi'i ini bukan sahaja mempengaruhi masyarakat umum malah ia juga mempengaruhi sistem keadilan negara kerana sebelum kedatangan penjajah, undang-undang adat dan undang-undang Islam diamalkan di negeri-negeri Melayu, sejak dari abad kelima belas apabila undang-undang Melaka iaitu Qanun Melaka dan Qanun Laut Melaka diguna pakai di negeri Melaka. Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah, Qanun ini digubal lebih kurang pada tahun 1444 mengikut kenyataan Richard Winstedt.¹⁵ Demikian juga undang-undang Pahang iaitu Qanun Pahang yang digunakan pada masa pemerintahan Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Syah di abad keenam belas. Kedua-dua undang-undang ini mengandungi pelbagai bidang perundangan, keluarga, jenayah, muamat, antarabangsa, prosedur, keterangan, percuakan dan sebagainya. Undang-undang ini adalah beraliran Mazhab Shafi'i.¹⁶

Contoh undang-undang Pahang tentang membunuh, murtad dan taat kepada pemerintah:

"Bab peri hukuman apabila seseorang akil baligh membunuh seorang orang Islam disahajanya dibunuhy ia, laki-laki atau perempuan, kecil atau besar maka yang membunuh itu dibunuhi. Bermula tiada harus Islam dibunuhi oleh (membunuhi) kafir. Bermula tiada harus merdeka dibunuhi oleh membunuhi hamba orang."¹⁷

"Peri hukuman segala orang yang murtad. Apabila seseorang Islam murtad disuruh taubat 3 kali, jika tiada ia mahu taubat dibunuhy, hukumannya jangan dimandikan dan jangan ditanamkan pada kubur Islam."¹⁸

"Peri pada menyatakan hukum orang yang durhaka kepada Raja yang adil dinyatakan durhakanya, meninggalkan dirinya pada suatu tempat diperbuatnya kata maka dipanggil disuruh berbuat kebaktian jika menurut diampunnya baginya, jika tiada ia menurut hendak melawan serang dilawan berperang, jika ia kembali hendak berbuat kebaktian pada Raja itu diampun, tiada harus dibunuhi mereka itu segala yang tiada melawan mereka itu, dan tiada harus ditawan, jangan ditambah luka mereka itu dan jangan dirampas hartanya."¹⁹

Pada masa penjajahan British, Undang-undang Islam diiktiraf sebagai undang-undang negeri berdasarkan kes Ramah Iwn Laton.²⁰ Dalam Enakmen Negeri Selangor 1952, iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952 terdapat peruntukan-peruntukan yang jelas tentang keterikatan undang-undang dengan Mazhab Shafi'i, terutamanya dalam bahagian kesalahan-kesalahan. Selain itu, terdapat juga kes yang pernah diputuskan oleh

¹⁵ Richard Winstedt, *The date of Malacca Codes dlm Journal Malayan Branch*, Vol. 29. 1956, hlm.33.

¹⁶ J.E. Kemple & R.O. Winstedt. 1948, *A Malay Legal Digest*, Journal Malayan Branch, Vol.21, Pt. 1, hlm. 1.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid.

²⁰ 1927, F.M.S.L.R. 127

mahkamah yang tidak membenarkan perkahwinan perempuan yang bermazhab Shafi'i dengan lelaki yang bermazhab Hanafi kecuali apabila si perempuan mengubah mazhabnya kepada Hanafi.²¹

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, semua Enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri menyatakan tentang terikatnya dengan mazhab Shafi'i dalam pengeluaran fatwa, dan tafsiran hukum serta amalannya kecuali jika dengan pendapat Mazhab Shafi'i itu membawa kepada keburukan masyarakat, maka mazhab empat yang lain dapat diterimapakai. Selepas undang-undang pentadbiran agama Islam dipinda dan diperlengkapkan untuk digunakan di negeri-negeri, maka peruntukan yang mengikat dengan mazhab Shafi'i masih dikekalkan.²² Kecuali Negeri Perlis yang tidak mengikut peruntukan ini kerana ia berpegang dengan sumber yang asas iaitu Qur'an dan Sunnah.²³

Selain itu, mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri yang diselaraskan masih ada peruntukan mengikat Mazhab Shafi'i sebagai asas pengeluaran fatwa dan tafsiran hukum.

Dengan adanya peruntukan ini, maka segala perkara yang berkaitan dengan hukum sama ada fatwa atau keputusan mahkamah mestilah merujuk kepada buku-buku yang bermazhab Shafi'i, sama ada buku-buku dalam bahasa Melayu atau Arab. Antara kitab-kitab Arab, kitab *Minhaj al-Talibin*, *Mughni al-Muhtaj*, *Nihayat al-Muhtaj*, *'Ianat al-Talibin* dan lain-lain. Kitab-kitab Jawi pula seperti *Sabil al-Muhtadin*, *furu' al-Masail*, *Ahkam Syariah Johor*, *Majallah Ahkam Johor*, *Kifayat al-Muhtadin*, *Matla' al-Badrain* dan sebagainya. Selain itu, Enakmen-enakmen Negeri-negeri yang berkaitan dengan hukum-hukum seperti hukum kekeluargaan, pusaka, wasiat dan jenayah termasuk juga prosedur dan keterangan dalam bidang kekeluargaan, harta dan jenayah juga berdasarkan Mazhab Shafi'i.

1.1 Siasah syar iyyah

Bagi kepentingan pelaksanaan undang-undang Islam dalam negeri-negeri Melayu didapati bahawa penggubalan Qanun negeri-negeri Melayu telah meletakkan kedudukan raja-raja Melayu sebagai Khalifah untuk mentadbir urusan umat, berdasarkan firman Allah s.w.t, yang bermaksud, "sesungguhnya aku jadikan di muka bumi khalifah (raja)". Dengan nas ini meletakkan kepimpinan Raja seperti kepimpinan Rasulullah s.w.t dari sudut tanggungjawab terhadap agama dan umat serta menjalankan kewajipan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Oleh itu bagi setiap rakyat wajib mematuhi berdasarkan firman Allah s.w.t yang bermaksud, "taatlah kepada Allah, taatlah kepada Rasul dan orang yang mengurus urusan kamu".

²¹ Lihat Hooker, 1976, *The Personal Law Of Malaysia*, Kuala Lumpur, hlm. 19.

²² Lihat peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri sebelum pindaan dan penyelarasannya dibuat dalam Enakmen-enakmen tersebut.

²³ EPAP Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. Lihat Azizan Abdul Razak, *The administration of Muslim law in Malaysia*, hlm. 118. Thesis M.Phil. University Kent.

Berdasarkan autoriti di atas meletakkan kedudukan raja-raja Melayu sebagai *amir al-mu'minin* kepada umat Melayu.

Melalui autoriti inilah pemerintah melaksanakan urusan pentadbiran negeri bagi menegakkan keadilan dan menjaga kepentingan agama. Keautoritian Raja Melayu adalah mutlak tidak boleh dicabar sama sekali. Bagi mereka yang mencabar autoriti Raja adalah tidak lain hukuman kecuali hukuman mati mandatori. Walaubagaimanapun, kedudukan ini tidak selamanya begitu, dengan adanya pengaruh Islam didapati ada beberapa pertimbangan diberikan kepada mereka yang mencabar autoriti Raja. Teks Qanun Pahang ada menyebut, "peri pada menyatakan hukum orang yang durhaka kepada Raja yang adil dinyatakan durhakanya, meninggalkan dirinya pada suatu tempat diperbuatnya kata, maka dipanggil disuruh berbuat kebaktian jika menurut dia diampun baginya, jika tiada ia menurut hendak melawan serang dilawan berperang, jika ia kembali hendak berbuat kebaktian pada Raja itu diampun tiada harus dibunuh merekaitu segala yang tiada melawan mereka itu dan tiada harus ditawan, jangan ditambah luka mereka itu dan jangan dirampas hartanya." Ini bermakna mereka yang tidak meneruskan penentangannya terhadap raja selepas rundingan mereka dimaafkan, dan mereka akan dibunuh jika meneruskan penentangannya terhadap pemerintah.

GERAKAN MENCABAR AUTORITI AGAMA NEGERI-NEGERI DAN MAZHAB SHAFI'I

Golongan yang mencabar autoriti agama dan Mazhab Shafi'i ini adalah terdiri daripada kumpulan yang dikenali sebagai kaum muda atau kumpulan *Islah*¹. Dalam tulisan ini penulis menggunakan kumpulan tidak bermazhab (al-la mazahiyyah)² berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan mereka yang menolak sebarang mazhab. Abu Bakar al-ash'ari menyatakan, "Islam tidak semestinya terbatas dalam lingkungan empat mazhab kerana tidak ada di sana asas yang menentukannya. Beliau menganjurkan supaya dibuat penilaian semula pandangan mazhab-mazhab serta membuat penilaian untuk memilih pendapat yang paling tepat dengan nas dan yang paling sesuai dengan kehendak masa.

Perbezaan mazhab menimbulkan kekacauan dan pepecahan di kalangan umat Islam, menyulitkan pelaksanaan Islam sebagai satu undang-undang dan menimbulkan kekeliruan kepada orang-orang yang bukan Islam tentang hakikat Islam yang sebenarnya³. Manakala kumpulan ahli Sunnah Kuala Pilah pula ada mengeluarkan sebuah memorandum pada

Lihat teks Qanun Pahang, MS perpustakaan negara.

¹ Istilah kaum muda banyak digunakan oleh penulis-penulis yang membincangkan tentang golongan ini. Lihat William R. Roff, 1967, *The Origin Of Malay Nationalism*, London, New Haven.

² Istilah al-la mazahiyyah digunakan oleh Said Ramadhan al-Buti dalam perbincangannya tentang golongan yang menolak mazhab dan berpegang kepada Quran dan Sunnah sahaja, lihat Said Ramadhan, 1970, *al-lamadhhabiyyah akhta Bid'ah Tauhidid al-Syariah al-Islamiyyah*, Damsyik, Syria: Maktabat al-Farabi.

³ Abu Bakar al-Ash'ari, 1954, "kemerdekaan berfikir dalam Islam", Pulau Pinang, hlm. 59-60.

22/7/1996, antara isi kandungannya ada menyebut, "Ahli al-Sunnah tidak bertaqlid kepada sesuatu mazhab masyhur atau tidak masyhur tetapi ia boleh melakukan "ittiba'" atau mengikuti sesuatu pendapat ulama' setelah diketahui keterangannya dengan jelas daripada Qur'an dan Hadith sahih, bahawa ahli al-Sunnah tidak bersandar kepada sebarang mazhab yang ada dalam negeri ini melainkan kembali kepada Allah dan RasulNya. Oleh itu salahlah orang yang mengatakan semua mazhab Shafi'i itu benar atau semua isi mazhab Hanafi itu benar dan lain-lainnya. Sebenarnya kita mesti akui bahawa tiap-tiap mazhab ada salahnya, dan imam-imam itu manusia seperti kita, boleh jadi berbuat kesalahan dengan sengaja atau tidak sengaja, bukan seperti nabi-nabi yang *ma'sum* daripada kesalahan yang disengaja dan yang tidak disengajakan dalam urusan hukum-hukum agama yang *ubudiyah* dan keduniaan⁴."

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Abu Bakar al-Ashari sebelum ini dan kemudiannya kenyataan memorandum yang dikeluarkan oleh Madrasah Ittiba al-Sunnah, cukup untuk membuat kesimpulan bahawa golongan ini menolak mazhab Shafi'i yang sedia ada yang diiktiraf sebagai mazhab negeri-negeri untuk tafsiran hukum-hukum di mahkamah atau mazhab yang menjadi amalan negeri-negeri di Malaysia. Mereka juga menolak mazhab-mazhab yang diamalkan di negara-negara Islam lain. Ini bererti mereka ini tidak berpegang kepada sebarang tafsiran mazhab yang sedia ada, dan mereka mengambil hukum secara langsung daripada Qur'an dan Sunnah berdasarkan ijihadnya, yang barangkali tidak mengikat diri mereka dengan sebarang kaedah *usūl fiqh* yang diguna pakai oleh mazhab-mazhab fiqh yang sedia ada.

Justeru, menggunakan istilah kumpulan tidak bermazhab adalah lebih tepat bagi kumpulan ini sama ada mereka dari golongan kaum muda (Islah) atau kumpulan ahli Sunnah, Salafi dan sebagainya, kerana mereka semuanya kembali kepada Qur'an dan Sunnah secara langsung dalam memahami hukum tanpa mengikat diri kepada pegangan ulama' bermazhab sama ada dari sudut hukum atau kaedah *usulnya*. Gerakan yang mencabar keautorian pentadbiran agama negeri-negeri dan keautorian mazhab Shafi'i berlaku dalam tiga gelombang seperti berikut:

Gelombang pertama berlaku pada tahun 20-an dan 30-an. Pada masa itu gerakan kaum muda cuba mengemukakan idea-idea baru yang berbeza dengan pegangan sedia ada dalam masyarakat Melayu yang berpegang kepada Mazhab Shafi'i. Perkara yang ditimbulkan oleh golongan kaum muda ini menyentuh tentang peranan akal dalam memahami hukum, persoalan-persoalan hukum *ikhtilaf* dan *bid'ah*. Gelombang pertama yang berlaku pada awal abad ke-20 ini telah menggugat pemikiran yang sedia ada disebabkan beberapa orang pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Arab Saudi, Mesir dan India yang telah terpengaruh dengan

⁴ Lihat memorandum yang disediakan oleh Hashim Abdul Ghani, 22 Sept 1966 (muqaddimah), ketua saksi Syar'iyyah Madrasah Ittiba' al-Sunnah, Kuala Pilah.

pemikiran gerakan Islah di sana. Hijaz ketika itu dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad Abdul Wahab yang mendokong idea Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah yang mana kedua-duanya beraliran Mazhab Hanbali dalam fiqh.⁵ Manakala gerakan Islah di Mesir pula dipelopori oleh Muhd Abduh dan Rashid Rida yang beraliran Mazhab Hanafi.⁶

Gerakan Islah ini cuba menimbulkan kembali idea ijihad untuk menyelesaikan keperluan hukum dengan kembali kepada sumber asal Qur'an dan Sunnah, menyeru kepada ijihad dan menolak taqlid yang diamalkan dalam masyarakat.⁷

Sungguhpun tokoh-tokoh di atas menyeru kepada ijihad, tetapi dalam amalan di negara-negara mereka bergerak masih tidak terkeluar dari metod fiqh yang mereka warisi. Di Hijaz ketika Muhd Abdul Wahab menguasai Hijaz, Mazhab Hanbali diterimapakai di sana di peringkat pemerintah dan awam sehingga ke hari ini.⁸ Demikian juga keadaan di Mesir yang telah dipengaruhi oleh metode Hanafi dalam amalan fiqhnya. Muhammad Abduh dilantik sebagai Mufti Mesir dari 1899-1905 sebagai sumber rujukan fatwa yang majoriti bermazhab Hanafi.⁹ Ini bererti segala masalah yang timbul jika terdapat peruntukan dalam undang-undang yang digubal, maka peruntukan itu yang akan diterimapakai. Jika tidak, mereka akan berijihad untuk mendapat penyelesaian masalah baru melalui mazhab lain dan bukannya mereka menghapuskan mazhab yang sedia ada.¹⁰

Aliran pemikiran Islah telah dapat mempengaruhi beberapa orang pelajar antaranya Sheikh Muhd Tahir bin Jalaluddin al-Azhari yang berkesempatan belajar di Mekkah dan Qahirah yang terpengaruh dengan pemikiran Muhd Abduh dan Rashid Rida.¹¹ Manakala pelajar-pelajar yang belajar di Mekah dan di India pula ada yang terpengaruh dengan ajaran Sheikh Waliyullah al-Dahlawi yang dibawa oleh Maulana Ubaidullah al-Sindhi seperti Haji Nik Abdullah, Haji Nik Mahmud Haji Wan Musa dan Hj. Abdul Rahman Haji Nik Mahmud yang beraliran Islah.¹²

Pemikiran Islah ini juga dapat mempengaruhi golongan yang berpendidikan sekular, melalui pembacaan bahan-bahan aliran demikian dari Majalah Islamic Review yang diterbitkan

⁵ Ahmad Amin, 1979, *Zua'ama' al-Islah, fi al-'Asr al-Hadith, Qahirah*, hlm. 20-21.

⁶ Lihat C.C. Adams, 1932, *Islam & Modernisme*, New York, hlm. 79-80.

⁷ Ahmad Amin, Op.cit, hlm. 14, 25.

⁸ Hafiz Wahbah, 1935, *Jazirat al-Arab fi al-Qur'an al-Ishrīn*, Qahirah, hlm. 319-321.

⁹ Mengikut Undang-undang Mesir no. 25, 1920, Rujukan utama pendapat arjah Mazhab Hanafi, manakala Undang-undang No. 25, dibenarkan masalah-masalah t

¹⁰ C.C. Adam, Op.cit, hlm. 80.

¹¹ William R. Roof, 1967, *The origin of Malay Nationalism*, New Haven & London, hlm. 60.

¹² Lihat Nik Abdul Aziz, 1980, Sepintas lalu tentang Tariqah Shah Waliyullah al-Dahlawi & pengaliranannya ke Tanah Melayu dalam *Pendidikan di Malaysia dahulu & sekarang*, Kuala Lumpur, hlm. 81. Ustaz Ghazali yang memahami aliran ini ada menjelaskan kepada penulis bahawa kumpulan Nik Mahmud ini sungguhpun mereka terpengaruh dengan gerakan Islah ia berbeza dengan kumpulan wahabi kerana penerimaannya terhadap disiplin tasawwuf yang ditolak oleh golongan wahabi.

oleh Kamaluddin Khwaja di Warking England¹³ dan sumber-sumber lain.

Antara mereka yang terpengaruh dengan pemikiran tersebut ialah Za'aba¹⁴, Kamaluddin yang berasal dari India dan bermazhab Hanafi terpengaruh dengan gerakan yang lahir di Lahore.¹⁵ Kemudian beliau berpindah ke England menjadikan pusat kegiatannya di sana.

Mereka yang terpengaruh dengan gerakan Islah di Saudi dan Mesir serta India telah menyebarkan idea mereka kemudiannya di Malaysia. Sheikh Tahir yang bergerak di kawasan utara Pantai Barat Malaysia telah dapat mempengaruhi Sayyid Sheikh Ahmad al-Hadi, Haji Abbas Mohd Taha dan Sheikh Mohd Salim al-Kalili,¹⁶ manakala aliran pemikiran Sheikh Waliullah al-Dahlawi pula tersebar di Kelantan dan Terengganu yang dibawa oleh Nik Abdullah, Hj. Nik Mahmud dan Nik Abdul Rahman.¹⁷

Selain itu, di negeri Perlis pula terdapat kecenderungan menolak Mazhab Shafi'i dan taqlid seolah-olah dipengaruhi oleh pendapat Ibn Taimiyah (m.1283), dan pihak berkuasa agama di Perlis merujuk kepada autoriti yang beraliran demikian seperti karya Syaukani Nail al-Awtar.¹⁸ Kecenderungan tidak terikat kepada Mazhab ini dapat dilihat dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Negeri Perlis yang memperuntukkan bahawa Undang-undang Islam di negeri Perlis berdasarkan Qur'an dan Sunnah serta tidak mengikatnya dengan sebarang Mazhab Fiqh. Sebenarnya aliran ini adalah daripada pengaruh kitab-kitab yang ditulis oleh Hasan Bandung dari Indonesia yang dibawa oleh beberapa orang yang berpengaruh ketika itu di Perlis seperti Wan Ahmad Wan Daud, Hj. Ahmad b. Hj. Muhammad dan Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim. Aliran ini timbul dalam lingkungan tahun 20-an (1924-1925) dan pada tahun 1959 ia dimasukkan dalam Undang-undang Pentadbiran Majlis Agama Negeri Perlis.¹⁹

Gelombang Kedua berlaku antara tahun 40-an dan 60-an. Gelombang kedua ini adalah sebagai menyambung usaha yang berlaku sebelumnya. Penumpuan kebangkitan pada waktu ini lebih banyak menumpukan kepada persoalan-persoalan *khilafiyah* yang lebih khusus sehingga menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat awam terutamanya dalam Parti Islam Setanah Melayu ketika itu yang merasa tertekan dengan keadaan yang berlaku. Timbulnya isu-isu *khilafiyah* yang membawa perpecahan di kalangan masyarakat ini menyebabkan satu *ijtima'* ulama' diadakan untuk membuat satu keputusan dalam isu-isu yang dibangkitkan. Akhirnya mereka sepakat memutuskan bahawa persetujuan dicapai terhadap

¹³ Lihat Adnan Hj. Mohd Awang, Za'aba dan ajaran Khawaja Kamaluddin dalam *pendidikan Islam dahulu dan sekarang*, hlm. 81.terentu boleh dirujuk kepada Mazhab empat yang lain. Lihat Shahatah al-Husaini, 1969, *al-Ahwal al-Shakhsiyah*, Qahirah, hlm. 15.

¹⁴ Ibid, hlm. 70.

¹⁵ Ibid, hlm. 71-78.

¹⁶ Lihat W.R.Roof, op.cit, hlm. 61-63.

¹⁷ Lihat Nik Abdul Aziz, op.cit, hlm. 68-69.

¹⁸ M.M.Mackeen, 1969, *Contemporary Islamic Legal Organisation in Malaya* (Monograph Series, No.12, Yale University, hlm. 50).

¹⁹ Lihat Mohd bin Harun, "Satu Kajian Konsep Ahli Sunnah wal Jama'ah dan Pelaksanaannya dalam Majlis Ugama Islam Perlis", hlm. 91, Tesis di Jabatan Syariah Fakulti Islam UKM 1975/76.

pendirian ulama'-ulama' beraliran Mazhab Shafi'i dalam isu-isu yang dibangkitkan.

Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti menyebut niat'usalli' dalam solat, talqin kematian, tahlil arwah dan sebagainya. Ahmad Fuad selaku Yang dipertua PAS ketika itu terpaksa melakukan *ijtima'* khusus untuk mendapat kata sepakat dalam memilih masalah *khilafiyah* untuk diamalkan di negara ini.²⁰

Persoalan khilafiyat ini juga timbul perbincangannya di Kelantan dan Terengganu. Bagi membendung pemikiran aliran baru dalam isu-isu *khilafiyat* ini, Jawatankuasa Ulama' Majlis Ulama' Kelantan telah mengeluarkan sebuah buku yang bertajuk '*Kitab al-Qawl al-Mufid Li ifadat al-Mustafid*', karangan Hj Muhammad bin Idris, salah seorang anggota Jawatankuasa Ulama' Majlis.

Gelombang ketiga pula berlaku dari tahun 70-an sehingga kini yang dipelopori oleh golongan muda yang terdedah kepada pengajian di Saudi, Indonesia dan di Malaysia. Gelombang yang berlaku ini seolah-olah sebagai menyambung pemikiran dan pendekatan golongan kaum muda sebelumnya. Mereka mempertikai beberapa amalan yang ada dalam masyarakat yang diambil daripada ulama'-ulama' beraliran Mazhab Shafi'i. Satu gerakan yang berpusat di Kuala Pilah telah membuat pengisytiharan yang dikeluarkan pada 22hb Julai 1966 dalam memorandum pertubuhannya yang berbunyi "Ahli Sunnah tidak bertaqlid kepada sesuatu mazhab masyhur atau tidak masyhur, tetapi ia boleh melakukan *ittiba'* atau mengikut sesuatu pendapat Ulama' setelah diketahui keterangannya dengan jelas daripada Qur'an dan Hadith sahih. Bahawa ahli Sunnah tidak bersandar kepada sebarang Mazhab yang ada dalam negeri ini melainkan kembali kepada Allah dan RasulNya, jadi salahlah orang yang memperkatakan isu Mazhab Shafi'i itu benar atau semua isi Mazhab Hanafi itu benar dan lain-lainnya. Sebenarnya kita mestilah akui bahawa tiap-tiap Mazhab itu ada salahnya dan imam-imam itu manusia seperti kita yang juga berbuat kesalahan dengan sengaja atau tidak sengaja dan bukan seperti nabi-nabi yang ma'sum daripada kesalahan yang disengaja dan yang tidak disengaja dalam urusan hukum-hukum agama yang 'ubudiyyah dan keduniaan."²¹

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa golongan ini tidak mengikat diri dengan mana-mana mazhab yang muktabar yang diiktiraf di dunia Islam dan mazhab Shafi'i di negara ini. Mereka beranggapan mereka mempunyai kelayakan yang cukup untuk berijtihad mutlak, seperti imam-imam yang muktabar, kerana ulama' itu adalah manusia dan mereka juga manusia tidak ada bezanya.

²⁰ Lihat ketetapan Muzakarah Ulama' Semalaya anjuran PAS pada tahun 1953.

²¹ Lihat memorandum yang dikeluarkan oleh Hashim Ab Ghani, Ketua saksi Syari'iyyah Madrasah Ijtiba' al-Sunnah. Kuala Pilah, 22 September 1966.

Sedangkan bagi orang-orang yang mengkaji ilmu mengetahui bahawa ulama'-ulama' besar yang muktabar itu yang mengamal ijtihad adalah lengkap dari sudut ilmu asas Syari'ah dan ilmu alatnya dibandingkan dengan kita di masa kini, walaupun manusia, ilmu asas Syari'ahnya amat terbatas dan begitu juga ilmu alatnya seperti bahasa Arab, jadi bagaimana ingin menjadi mujtahid mutlak? Berijtihad tanpa asas ilmu yang lengkap dari sudut ilmu utama Syari'ah dan ilmu pelengkap dalam Bahasa Arab serta tidak terikat dengan kaedah *Usul al-Fiqh* boleh membawa kepada penyelewengan dan kesesatan daripada kebenaran. Justeru, persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh mereka menampakkan kegagalan mereka dari sudut ilmu asas Syariah dan bahasa Arab dan kegagalan mengguna kaedah *usul al-Fiqh* sebagaimana yang diguna pakai oleh ulama' yang muktabar dari empat mazhab.

BID'AH PADA FAHAMAN MAJORITI ULAMA'

Di lihat kepada asas pemahaman dan pengaplikasian *bid'ah* yang didapati dalam perbincangan terdahulu menunjukkan bahawa pandangan golongan tidak bermazhab tentang *bid'ah* ini tidak mengikut apa yang difahami dan dipegang oleh majoriti ulama'. *Bid'ah* mengikut kefahaman dan huraian yang diberikan oleh ulama' bermazhab seperti di bawah ini.

Definisi *bid'ah*

Bid' ialah perkataan Arab yang bermakna sesuatu yang ulung; yang pertama.¹ Qu'ran ada menggunakan perkataan ini seperti Allah s.w.t. berfirman;

"قُلْ مَا كَنْتُ بِدُعَاٰ مِنَ الرَّسُولِ"

Terjemahan : "katakanlah (ya Muhammad) Aku Bukanlah Yang Terawal Dari Kalangan Rasul-rasul."

Perkataan *bid'ah* ini juga merujuk kepada sesuatu yang baru iaitu sesuatu ajaran agama yang diada-adakan selepas ianya telah sempurna.² Hal ini jelas berdasarkan kenyataan Qur'an tentang kehidupan kepadrian (Rahbaniyyah) yang diada-adakan oleh *ahl al-kitab* (Yahudi dan Kristian).³

Fuqaha' ada menggunakan perkataan *bid'ah* ini dalam perundangan dengan memberikan pengertian yang khusus terhadapnya. Mereka terdiri daripada dua golongan; ada golongan yang memperluaskan pengertian *bid'ah* ini dan ada golongan yang cuba

¹ Razi, 1963, *Mukhtasar al-Sihah*, Qahirah: Matba'ah al-Amiriyyah, hlm. 43-44.

² Qur'an, al-Abqab, 46:9.

³ Wizarat al-Awqah wa al-Shu'un al-Islamiyyah, 1986, *al-Mausu'at al-fiqhiyyah*, Kuwait, jil. 8, hlm. 21; Razi, op.cit, hlm. 44.

⁴ Kenyataan al-Qur'an

⁵ *al-Mausu'at al-Fiqhiyyah*, jil. 8, hlm. 44.

Izuddin Abdul Salam mentakrif *bid'ah* sebagai amalan yang tidak ada di zaman Rasulullah s.a.w (tetapi berlaku di zaman kemudian). Ia terdiri daripada *bid'ah wajib*, *bid'ah haram*, *bid'ah sunat*, *bid'ah makhruh* dan *bid'ah harus*.⁶

Fuqaha' yang memberi pengertian *bid'ah* dengan makna yang luas ini bersandarkan kepada alasan-alasan berikut:

Antara alasan mereka ialah pendapat Umar bin al-Khattab yang mengharuskan sembahyang terawih secara berjemaah dalam masjid, katanya; "sebaik-baik *bid'ah* ialah amalan ini (sembahyang terawih)."⁷ Selain daripada itu pendapat Ibn Umar juga diambil sebagai sandaran, beliau berkata sembahyang Dhuha berjemaah di masjid adalah suatu *bid'ah* yang baik.⁸

Selain daripada pendapat sahabat di atas mereka juga menggunakan beberapa Hadith sebagai alasan kepada harusnya beramal dengan perkara-perkara baru yang bermanfaat. Antaranya Hadith Rasulullah s.a.w.:⁹

وَوَزَرَ عَمَلٌ بَهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ . " من سن سن حسنة فله اجرها واجر من عمل بها من سن سن سيئة فعليها وزرها

Maksudnya: "sesiapa yang mengasaskan jalan yang baik maka ia mendapat ganjaran daripadanya dan ganjaran orang yang mengamalkannya sehingga hari kiamat, dan sesiapa yang mengasaskan jalan yang tidak baik maka ia menanggung dosanya dan dosa orang yang mengamalkannya sehingga hari kiamat."¹⁰

Golongan kedua yang cuba membataskan pengertian *bid'ah* ini terdiri daripada Imam Malik dan al-Shatibi. Mereka berpendapat bahawa semua perkara *bid'ah* adalah menyesatkan sama ada dalam perkara ibadat atau adat.¹¹

Shatibi mentakrifkan *bid'ah* sebagai mengada-adakan amalan agama yang berlawanan dengan syara' bertujuan untuk menambah-nambah amalan pengabdian kepada Allah s.w.t. Ia mengkhususkan pengertian ini kepada amalan ibadat sahaja dan tidak termasuk amalan adat dan urusan keduniaan.¹²

⁶ Ibid.

⁷ Bukhari, t.t, *Sahih*, Salafiyah, Misr, jil. 4, hlm. 250.

⁸ Ibid, jil. 3, hlm. 599.

⁹ Ibid.

¹⁰ *al-Mausu'at al-Islamiyyah*, jil.8, hlm. 23.

¹¹ Shatibi, t.t, *al-I'tisam*, Misr: Matba'ah al-Tijari, jil. 1, hlm.18, 19.

Selain daripada takrif di atas didapati juga takrif yang lain di mana bid'ah dimaksudkan dengan mengada-adakan amalan agama yang bertujuan untuk mencapai maksud yang dikehendaki oleh syara'.¹²

Fuqaha' yang berpendapat bahawa semua perkara baru adalah bid'ah menggunakan alasan-alasan berikut. Antaranya firman Allah s.w.t:

“الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتْ لَكُمْ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا”

¹³Maksudnya: "Pada hari ini Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan Aku sempurnakan nikmat-Ku ke atas kamu serta Aku redhai untuk kamu Islam sebagai agama."

Ayat ini menunjukkan kesempurnaan Islam dan ia telah lengkap dan jika ada penambahan daripada manusia akan dianggap mencampuri urusan Allah; tindakan itu seolah-olah menggambarkan Islam itu belum sempurna, dan ia berlawanan dengan maksud ayat di atas.¹⁴

Selain daripada itu mereka juga mengambil ayat-ayat yang mencela sikap orang bid'ah antaranya firman Allah s.w.t:¹⁵

“وَأَنْ هَذَا صَرْطَىٰ مُسْتَقِيمًا فَالْتَّبِهُوهُ وَلَا تَبْيَا السَّبِيلَ فَتَفَرَّقُ بَكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ”

Maksudnya: "Pada hari ini Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan Aku sempurnakan nikmat-Ku ke atas kamu serta Aku redhai untuk kamu Islam sebagai agama."

Terjemahan: "Ini adalah jalan-Ku yang lurus maka hendaklah kamu ikuti dan janganlah kamu ikuti jalan-jalan yang berbagai maka ia membawa kamu berpecah-belah daripada jalan Allah yang lurus."

Selain daripada dalil Qur'an, mereka juga berhujah dengan Hadith Rasulullah s.a.w antaranya Hadith riwayat Ibn Majah,¹⁶ (dan mengikut riwayat al-Nasa'i):¹⁷

Maksudnya: "Jauhilah kamu daripada perkara-perkara baru kerana setiap perkara yang baru itu adalah bid'ah, dan setiap perkara bid'ah itu sesat." Dan sabdanya mengikut riwayat al-Nasa'i bermaksud; "seburuk-buruk perkara ialah yang baru dan setiap perkara baru adalah bid'ah, dan setiap perkara bid'ah adalah menyesatkan, dan setiap perkara yang menyesatkan membawa kepada neraka."

¹² Ibid, hlm. 19.

¹³ Qur'an al-Ma'idah, 5:3.

¹⁴ al-Mausu'at al-Islamiyyah, jil. 8, hlm. 23.

¹⁵ Qur'an, al-An'am, 6:153.

¹⁶ Nasa'i, t.t, Sunan, al-Nasa'i, jil. 3, hlm. 188.

¹⁷ Nawawi, t.t, Sahih Muslim, jil. 6, hlm. 153.

Berhubung dengan Hadith di atas didapati beberapa penjelasan yang diberikan oleh ulama' untuk memahami maksudnya yang sebenar. Khatabi dalam mengulas Hadith yang bermaksud; "setiap perkara baru adalah bid'ah" menyatakan bahawa, Hadith ini dikhkususkan kepada setengah-setengah perkara baru yang tidak bersandarkan nas asal dan sumber asal syara', dan jika ia dapat disandarkan kepadaanya maka ia bukanlah perkara bid'ah dan bukan suatu yang menyesatkan sekalipun ianya perkara baru.¹⁸

Ibn Rajab al-Hanbali pula berkata dalam mengulas Hadith di atas, Hadith ini untuk memberi peringatan kepada umat supaya tidak terperangkap dengan mengikuti perkara bid'ah, yang dimaksudkan dengan bid'ah dalam Hadith ini ialah sesuatu yang baru yang tidak ada asasnya daripada dalil syara' jika ada asasnya dari syara' maka ia bukanlah bid'ah mengikut syara', sekalipun ia memberi maksud bid'ah mengikut penggunaan bahasa.¹⁹

Ibn Yahya ada meriwayatkan daripada Imam Shafi'i bahawa beliau berkata bid'ah itu ada dua jenis; bid'ah yang terpuji (bid'ah mahmudah) dan bid'ah yang tercela (bid'ah madhummah). Perkara bid'ah yang menepati sunnah adalah bid'ah yang terpuji manakala bid'ah yang menyalahi sunnah adalah bid'ah yang tercela (bid'ah madhummah). Beliau berhujah dengan pendapat Umar r.a yang berkata, "sebaik-baik bid'ah ialah amalan ini (solat terawih berjemaah)."

Diriwayatkan juga bahwa Shafi'i ada membuat ulasan tentang suatu Hadith katanya, "Perkara-perkara yang baru ada dua jenis; Pertama perkara baru yang berlawanan dengan Qur'an, sunnah, athar, atau ijma' adalah bid'ah yang menyesatkan, adapun perkara-perkara baru yang tidak bercanggah dengan dalil di atas maka ia adalah bid'ah yang tidak tercela."²⁰

Imam Nawawi dalam mengulas Hadith tersebut menyebut bahawa maksud Hadith itu pengertiannya umum tetapi dikhkususkan, maknanya bid'ah yang biasa difahami, mengikut ahli bahasa ialah suatu yang diciptakan tanpa ada contoh sebelumnya. Ulama' ada membahagikan bid'ah kepada lima jenis iaitu bid'ah wajib, bid'ah sunnat, bid'ah haram, bid'ah makruh dan bid'ah harus.²¹

Bid'ah wajib ialah perkara baru yang diwujudkan oleh ulama' mutakalimin tentang dalil-dalil dan hujah-hujah ilmiah yang digunakan untuk mematahkan golongan kafir dan ahli-ahli bid'ah. Bid'ah yang sunnah ialah mengarang kitab-kitab ilmu, membina pusat-pusat pendidikan dan sebagainya. Manakala yang haram pula ialah bid'ah dalam meninggalkan perkahwinan, tidur dan puasa berterusan untuk menumpukan ibadah. Bid'ah yang makruh pula seperti memuji dan menyebut nama sultan dalam khutbah Jumaat.²²

¹⁸ Khattabi, t.t, Ma'alim al-Sunan, Sharh Sunan Abi Dawud, Matba'at al-Islamiyyah, jil.4, hlm. 301.

¹⁹ Ibn Abd al-Barr, Sharh al-Muwatta', jil. 5, hlm. 152, 153.

²⁰ Muhibbin Sayyid Alwi, Minhaj al-Salaf fi Fahm al-Nusus Ba'na al-Nazariyyat wa al-Tatbiq, hlm. 468.

²¹ Nawawi, op.cit, jil. 6, hlm. 154.

²² Shatibi, op.cit, jil. 2, hlm.31, 32 ; Mausu'at al-Fiqhiyyah, jil. 8, hlm. 26.

pula ialah seperti berpegang dengan aliran aqidah mazhab *Qadariyyah, Jabariyyah, Murji'ah* dan *Khawarij*.

Adapun *bid'ah* yang sunnat ialah mendirikan pusat pendidikan, membina jalan dan jambatan dan melakukan solat terawih secara berjemaah dalam masjid. *Bid'ah* makruh pula seperti mengadakan ukiran-ukiran yang menggunakan ayat-ayat Qur'an, manakala *bid'ah* yang diharuskan pula ialah seperti berjabat salam selepas solat dan berenak-enak dengan berbagai jenis makanan, minuman, pakaian dan sebagainya.²³

Ada di kalangan ulama' yang membahagikan *bid'ah* kepada dua jenis iaitu *bid'ah* yang baik (*bid'ah hasanah*) dan *bid'ah* yang tidak baik (*bid'ah Sayyi'ah*). *Bid'ah* yang baik membawa maksud segala perkara baru yang baik, bermanfaat yang mendatangkan kebaikan untuk agama dan kehidupan dunia yang diakui oleh syara', manakala *bid'ah* yang tidak baik ialah segala perkara baru yang tidak baik, mendatangkan mudarat dan merosakkan agama serta kehidupan di dunia yang ditolak oleh syara'. Ia berlawanan dengan kaedah dan *usūl* dalam Islam yang bertujuan untuk membawa manfaat kepada manusia dan mengelakkan kemudarat, serta membawa kemaslahatan untuk mereka.²⁴

Antara perkara *bid'ah* yang termasuk dalam kategori *bid'ah* yang baik ialah mengumpul Qur'an yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar, solat terawih di masjid secara berjemaah yang dilakukan oleh Umar bin al-Khattab, berdoa selepas solat terawih, azan pertama solat Jumaat, memisah makam Ibrahim daripada Baitullah, melakukan solat Jumaat di beberapa tempat dalam sebuah negeri dan melakukan solat sunat hari raya secara berjemaah di masjid.²⁵

Selain daripada itu didapati pada zaman kebelakangan ini, beberapa perkara amalan *bid'ah* diterima sebagai *bid'ah hasanah* seperti bacaan Qur'an di atas kubur untuk dihadiahkan kepada si mati, menyambut perayaan Maulid al-Rasul, mengingati peristiwa Isra' dan Mi'raj, menetapkan bilangan tertentu zikir kepada Allah dan berdoa dengan doa-doa yang lain daripada doa Rasulullah s.a.w.

²³ *Mausu'at al-Fiqhiyyah*, jil. 8, hlm. 26.

²⁴ Sayyid Muhd bin Sayyid Alwi, op.cit, hlm. 460.

²⁵ Ibid, hlm. 504, 505.

PANDANGAN BEBERAPA ULAMA' KONTEMPORARI TENTANG ALIRAN TIDAK BERMAZHAB DAN ALIRAN SALAFI

A- Pendapat Ulama' Kontemporari

Dr. Said Ramadhan al-Buti dalam bukunya, "al-La Madhhabiyyah: akhtar Bid'ah Tuhdim al-Syariah al-Islamiyyah" (Aliran tidak bermazhab adalah bid'ah yang paling merbahaya yang boleh mengancam Syariah Islam).

Dr Said menceritakan pengalamannya secara langsung dengan seorang pelajar fakulti sastera di Universiti Damsyik, di mana pelajar itu menjelaskan kepadanya bahawa dia menemui Islam dan cara ibadatnya dengan cara baru. Beliau sebelum ini mempelajari Kitab Fiqh Shafi'i dan beribadat mengikut mazhab Shafi'i. Kemudian beliau mendapati bahawa dalam buku *al-Kuras* menyatakan bahawa tidak harus seseorang muslim terikat dengan mazhab tertentu daripada Mazhab Empat. Sesiapa yang melakukan perkara ini boleh menjadi kafir dan sesat daripada jalan yang lurus. Beliau diwajibkan supaya mengambil hukum secara langsung daripada Qur'an dan Sunnah, sedangkan beliau sendiri mengakui bahawa dirinya masih tidak betul membaca Qur'an mengikut kaedahnya, ditambah lagi dia tidak dapat memahami makna ayat-ayatnya dan hukum-hukumnya. Pelajar ini bertanya kepada Dr.Said, "kata Dr.Said Apakah yang dapat saya lakukan? Apakah pula jawapan yang dapat saya berikan kepadanya...?"

Mahu tidak mahu saya terpaksa menjelaskan apa yang sebenarnya....memberi peringatan kepada orang yang sedang sakit dengan peringatan yang sepatutnya, supaya dia tidak menyerah diri kepada kebatilan dan penipuan golongan itu. Ia sebenarnya suatu peristiwa yang kita terpaksa menghadapinya di mana sepatutnya perkara ini tidak sewajarnya kita hadapi. Sesungguhnya orang-orang Islam dari dahulu sehingga kini, mereka mengetahui dengan penuh terang dan jelas bahawa manusia itu terbahagi kepada golongan *mujtahid* dan golongan *muqallid*; orang *muqallid* hendaklah mengikuti salah seorang *mujtahid*, apabila dia telah mengikuti salah seorang dari ulama' *mujtahid* maka ia adalah betul dan benar, jika ia kehendaki ia boleh terus bertaqlid kepadanya tanpa berubah sehingga akhir hayatnya. Sehinggalah pada masa kini baru kita dapat berlaku satu peristiwa di mana kita dikejutkan oleh satu kumpulan kecil yang membawa syari'at baru yang ganjal; syari'at yang menuduh kafir ke atas sesiapa yang mengikuti seseorang *mujtahid* yang tertentu; mereka berkata bahwa mengikut Qur'an dan sunnah itu adalah mengikut yang *ma'sum* sedangkan mengikut mazhab yang Empat itu bukan yang *ma'sum*. Oleh itu, manusia semua mestilah mengikuti yang *ma'sum* dan membebaskan diri daripada mengikut yang tidak *ma'sum*!

Sebenarnya setiap orang yang berakal di bumi ini mengetahui bahawa semua manusia jika ingin mengetahui bagaimana cara untuk mengikut yang *ma'sum* dan cara untuk memahami makna ayat-ayatnya yang *ma'sum* nescaya mereka tidak akan terbahagi kepada golongan *muqallid* dan golongan *mujtahid*.

Kalaulah itu maksudnya tidaklah pula Allah berfirman kepada golongan pertama (*muqallid*)

"فَاسْأَلُوا أهْلَ الذِّكْرِ أَنْ كَتَمْ لَا تَعْلَمُونَ"

Maksudnya: "maka tanyalah orang yang mengetahui sekiranya kamu tidak mengetahui".

Allah memerintah mereka (*muqallid*) supaya mengikut orang yang mengetahui, sedangkan mereka yang mengetahui itu bukannya *ma'sum* dan tidaklah pula diperintahkan supaya *muqallid* itu merujuk kepada ayat-ayat Qur'an dan sunnah yang kedua-duanya *ma'sum*¹. Apakah maksud mereka itu dengan kenyataan demikian, adakah kenyataan itu untuk meruntuhkan pembinaan fiqh yang besar itu yang telah dibina dengan kukuhnya oleh ulama'-ulama' *mujtahid* secara *Ijmā'* berkurn-kurun lamanya, dengan cara membawa pendapat yang membuka pintu *ijtihad* kepada umum dengan luas sekali dan menolak pegangan kepada Mazhab Empat. Sesungguhnya penyakit membuka pintu *ijtihad* kepada umum secara meluas telah pun berlaku di masa lalu dan ia berulang lagi berlaku pada hari ini dan terdapat tangan-tangan yang bekerja untuk menghancurkan hukum dengan dakwaan *ijtihad*. Apa yang berlaku pada masa ini berganda dibandingkan dengan apa yang telah berlaku pada masa yang lalu².

Biarkanlah orang-orang Islam itu berjalan mengikuti imam-imam mereka yang telah mereka lakukan berkurn-kurun lamanya berdasarkan keharusan bertaqlid dan mengikuti ulama'-ulama' mereka. Berijtihadlah kamu (golongan tidak bermazhab) jika kamu ingin berijtihad dalam mengeluarkan hukum tentang masalah-masalah baru yang belum wujud pada masa dahulu dan tidak pernah dibincangkan oleh ulama'-ulama' terdahulu pada masa mereka. Kami berdoa kepada kamu dengan taufiq Allah supaya kamu berfikiran waras dan betul.

Tetapi yang anehnya, kamu menolak perkara-perkara baru yang belum pernah dibincangkan oleh ulama'-ulama' terdahulu yang mana ianya wajib diijtihadkan dan perlu memahami hukumnya pada masa ini seperti insuran nyawa dan barang, jenis-jenis syarikat berhad dan syarikat saham dan lain-lain jenis jaminan sosial yang lumrah amalannya, ganti rugi yang diamalkan dalam beberapa kontrak dan bermacam-macam kontrak baru yang berkaitan dengan tanah yang menghubungkan antara pemilik dengan penyewanya...kamu menolak dari mengkaji masalah-masalah itu semua, kemudian kamu membuat tuduhan memperbodohkan *ijtihad-ijtihad* yang dilakukan oleh ulama' mazhab yang empat dan mengancam orang awam dari mengikuti mereka berpandukan kepada pendapat mereka.

Sebenarnya demi Allah, tidak saya melihat seorang pun dari kalangan golongan yang tidak bermazhab ini yang mengkaji walaupun sedikit tentang satu masalah dari masalah-masalah yang baru dan penting itu yang didapati orang awam bertanya setiap hari tentang hukumnya, sedangkan terdapat dari kalangan mereka ini yang menghabiskan seluruh tenaganya untuk meruntuhkan sesuatu yang telah sempurna binaannya, dan telah tetap segala hukumnya³. Bermazhab dengan *Salafiyyah* adalah satu *bid'ah* yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Kami berpendapat bahawa bagi menentukan identiti bagi umat Islam yang selamat, dengan pemberian Allah dan taufiqnya, pada hari akhirat, adalah ahli *al-Sunnah wa al-Jama'ah*, atau jamaah yang boleh disifatkan sebagai golongan terbanyak dari jamaah Islam dan kumpulan-kumpulan mereka. Penentuan identiti ini adalah berdasarkan kepada Sunnah Nabi s.a.w dan penjelasan baginda. Penggunaan *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan ketetapan sifat-sifatnya adalah mengikut kesepakatan *Ijma' ulama' muslimin* dan golongan *salaf al-salih* yang terbaik iaitu apabila seorang muslim pada hari ini memperkenalkan dirinya bahawa dia daripada golongan *ahli sunnah wa al-Jamaah* dan dia tidak melakukan *bid'ah* pada dirinya dari sudut agama dalam perkara yang tidak didokong oleh Qur'an dan Sunnah, malah dia mengaitkan dirinya dengan jamaah yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w kepada orang-orang Islam selepas ketiadaannya supaya bergabung kepada Jemaah itu. Sesungguhnya pusat penyatuan mereka ialah pada mengikuti ajaran kitab Allah dan beriltizam dengan panduan Rasulullah s.a.w. Panduan yang diikuti itu adalah apa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w, sahabat-sahabatnya dan pengikut-pengikutnya selepas itu.⁴

Adapun jika seorang muslim memperkenalkan dirinya bahawa mengikut mazhab yang dinamakan sekarang *salafiyyah* tidak syak lagi bahwa dia melakukan satu *bid'ah*, kerana pengertian *salafiyyah* kalaupun bersamaan dengan makna *ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* pada hakikatnya dia telah melakukan *bid'ah* ke atas *jamaah muslimin* dari sudut istilah yang tidak pernah *dijima'* oleh ulama' *salaf r.a* pada penggunaanya. Lebih-lebih lagi istilah ciptaan ini tidak perlu kerana ia boleh menimbulkan ketegangan dan perpecahan di kalangan kumpulan orang-orang Islam. Kalaulah istilah (*salafiyyah*) ini tidak menepati dengan hakikat pengertiannya yang asal dan itulah sebenarnya yang berlaku, sudah tentu ia lebih jelas lagi *bid'ahnya* terhadap istilah yang diciptakan ini dan pengertiannya yang tidak benar (batil) mengikut pengertian asalnya. Ia diletakkan penggunaannya sebagai ganti kepada istilah yang *dijima'* oleh ulama' *salaf* pada penggunaan istilah *ahl Sunnah wa al-Jamaah*. Pelakuan *bid'ah* ini jelas terbukti apabila ia digunakan sebagai simbol kepada kumpulan *jamaah* Islam baru yang mana kedudukannya terputus daripada rangkaian kumpulan *jamaah* Islam umum yang satu lagi yang beridentitikan *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berpegang dengan pengertiannya yang sebenar.

¹ Said Ramadhan al-Buti, 1970, *al-Lamadhabyyyah*, Damsyik, Syria, hlm. 22, 23.

² Ibid, 96.

³ Ibid, hlm. 96.

⁴ Said Ramadhan al-Buti , 1990, *al-Salafiyyah*, Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr, hlm. 236.

Maka golongan *salafi* yang dimaksudkan sekarang ini ialah golongan yang berpegang kepada pendapat-pendapat ijtihad tertentu, dan mempertahankan pendapat itu. Mereka membida'ahkan orang-orang yang tidak sepakat dengan mereka dan menuduh mereka itu sebagai golongan bid'ah, dalam perkara aqidah, hukum-hukum fiqh atau akhlak.⁵

Dr. Said menjelaskan tentang satu peristiwa, katanya, kami sembahyang Isya' berjemaah pada satu malam disalah sebuah negara Arab bersama-sama sekumpulan ulama' dan ahli fikir, maka salah seorang daripada ahli Jemaah mengangkat tangannya selepas sembahyang berdoa kepada Allah s.w.t. Ahli-ahli Jemaah mengaminkan doanya, kecuali seorang daripada *jemaah* yang hadir itu, bermazhab *Salafi*, tiba-tiba bangun meninggalkan *jemaah* supaya dia tidak melihat kemungkaran (berdoa selepas sembahyang) dan bersyubhat dengan kami. Saya bertanya kepadanya, "Apakah aspek larangan yang terdapat pada perkara ini?", beliau menjawab, "Tidak ada panduan Rasulullah s.a.w berdoa selepas sembahyang sesungguhnya baginda berdoa semasa sembahyang".⁶

Kami dapat memahami bahawa lelaki ini dan orang-orang seumpamanya melakukan *bid'ah* dan dia tidak mewakili golongan yang cenderung kepada pendapat ijtihad yang mengatakan bahawa doa itu sunat di dalam sembahyang, dan bukan selepasnya. Pendapat ini diterima oleh sebahagian ulama' berdasarkan kepada ta'wilan Hadith Sa'ad bin Abu Waqas dari riwayat Bukhari dan Tarmidhi bahwa beliau (Said) mengajar anak-anaknya dengan kata-kata tertentu seperti guru mengajar murid-muridnya menulis dengan berkata "Bahawa Rasulullah s.a.w., minta perlindungan dari berdoa selepas solat"

Mereka menta'wilkan ungkapan (dubr al-Salah) masa di akhir solat; mereka berkata: doa Rasulullah s.a.w, dengan menggunakan ungkapan ini di akhir sembahyangnya sebelum melakukan salam. Sedangkan jumhur ulama' berpendapat maksudnya ialah selepas sembahyang berdasarkan kepada penggunaan bahasa, dan Hadith umm Salamah yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibn Majah bahawa Nabi s.a.w yang bersabda yang bermaksud, 'Apabila baginda sembahyang subuh ketika memberi salam dia membaca

Saya berkata, tidaklah menjadi perkara *bid'ah* yang menjahanamkan apa yang dilakukan oleh lelaki ini jika dia mengikut salah satu daripada dua pendapat yang terdapat dalam lingkungan jamaah Islam yang satu yang hidupnya berbaik-baik. Sesungguhnya perkara ini menjadi bid'ah yang jelas apabila dia mengambil salah satu dari pendapat itu, dan menjadikan pendapat pilihannya itu satu dalil yang benar tepat yang mesti diikutinya dan orang lain yang memilih pendapat yang berlainan dengannya itu dalilnya tidak sah dan ia mesti dielakkan. Oleh itu beliau bangun dan meninggalkan Jemaah Islam yang selamat yang wajib diikutinya. "Manakah seorang alim daripada ulama' *Salaf* melakukan tindakan yang ganjil

⁵ Ibid, hlm. 237.

⁶ Ibid, hlm. 237.

seperti ini?" yang memecahkan kesatuan dan perpaduan orang-orang Islam dan memperbodohkan pendapat-pendapat ijtihad ulama' sebelumnya dengan menggunakan sentimen *asabiyyah* yang keji.⁷

Kalaulah demikian, maka jelaslah dan tanpa ada sebarang syak lagi, wahai saudara pembaca bahawa *Salafiyyah* itu adalah satu mazhab baru yang dicipta dalam agama Islam. Pembinaan pendapat yang berbeza ini di mana pendukung-pendukungnya terdiri daripada golongan yang mempunyai pendapat-pendapat ijtihad dalam perkara aqidah, hukum dan akhlak yang mereka ambil dan kumpul daripada kumpulan-kumpulan pendapat ijtihad yang banyak dan pelbagai yang telah disebut oleh kebanyakan *ulama' Salaf* dan ulama' terkenal *Ahmad al-Sunnah wa al-Jamaah* sebelumnya, berdasarkan kehendak dan kecenderungan mereka sendiri. Kemudian mereka menetapkan hukum bahawa asas pembinaan yang mereka bina daripada pendapat-pendapat yang dipilih itu berdasarkan kecenderungan dan kehendak mereka itu sendiri adalah betul dan menolak asas pembinaan hukum yang telah dilakukan oleh golongan ulama' yang termasuk di dalam kumpulan jamaah Islam yang selamat yang mengikuti panduan Qur'an dan Sunnah. Sesiapa yang berpaling daripada pendapat ijtihad mereka dan mengambil pendapat ijtihad yang lain maka mereka itu melakukan bid'ah yang menyeleweng.⁸

Sheikh Muhammad al-Hamid pula dalam bukunya *Luzum Ittiba' Madhahib al-A'immah Hasman Li al-Faudha al-diniyyah* (Iltizam mengikut mazhab imam-imam mazhab untuk mengelak daripada kecelaruan dalam perkara-perkara agama.) ada menyatakan pandangannya tentang kumpulan tidak bermazhab apabila beliau ditanya oleh Ahmad Izzuddin al-Bayanuni berhubung soalan yang dikemukakan oleh kumpulan *Al-La Mazhabiyah* kepadanya⁹

Sheikh Ahmad menjelaskan terdapat sebahagian kumpulan manusia sengaja menimbulkan keraguan terhadap mazhab fiqh yang diikuti dan mereka mengajak supaya diadakan ijtihad baru yang setanding dengan yang dahulu, sekalipun ia tidak dapat memenuhi syarat-syarat *ijtihad mutlak* pada masa ini. Mereka yang singkat akal dan terhad ilmunya menganggap diri mereka mempunyai kelayakan dan berupaya berijtihad sebagaimana generasi dahulu berijtihad.

Apa yang diketahui dan yang kita beramal ialah mengikut apa yang telah ditetapkan oleh *fujaha'* kita yang dahulu yang menyatakan bahawa *ijtihad mutlaq* dalam hukum-hukum adalah dilarang selepas berlalunya masa empat ratus tahun hijrah Nabi s.a.w. Ketetapan ini bukan bermakna untuk menghalang pemberian Allah yang sepatutnya umat yang kemudian

⁷ Ibid, hlm. 238-239.

⁸ Ibid, hlm. 241-242.

⁹ Sheikh Muhammad al-Hamid, 1389H, "Luzum Ittiba' Madhahib al-A'immah hasman li al-Faudha, al-Diniyyah, Qahirah: Dar al-Ansar, hlm. 10-14.

juga boleh menikmati pemberian itu sebagaimana umat terdahulu. Sekali-kali ia bukanlah suatu halangan terhadap pemberian Tuhan kepada mereka, tetapi sebenarnya ia bertujuan untuk membendung supaya tidak berlaku di mana orang yang tidak ada kelayakan mengaku dirinya sebagai *mujtahid* yang boleh membawa kepada kekacauan kefahaman yang meluas dalam masyarakat sebagaimana yang berlaku ke atas umat-umat yang terdahulu. Bagi mengelakkan berlakunya perkara tersebut maka ulama'-ulama' yang bertakwa, menutup pintu ijtihad kerana simpati mereka kepada umat ini supaya tidak terjatuh ke dalam suasana ketidaktentuan dalam perkara agama dengan mengikuti dakwaan ijtihad orang yang tidak mempunyai kelayakan berijtihad yang sepatutnya. Kelayakkan itu dinilai dari sudut keilmuan, kewarakan dan suluhan cahaya Ilahi, taufiq Ilahi, dan pembukaan rahmat Ilahi ke atasnya sebagaimana yang Allah bukakan rahmatNya kepada generasi terdahulu, di samping itu semua mereka pula hidup hampir masanya dengan zaman *Nubuwwah*, zaman kesucian dan kesuburan Islam yang mana tidak berlaku padanya pencemaran dan penyelewengan dalam agama.

Sebenarnya manusia pada umumnya termasuk dalam golongan yang dimaksudkan di sini khususnya, mengetahui bahwa *mujtahid mutlaq* itu antara lain syaratnya ialah memahami bahasa Arab sebagaimana orang Arab sendiri memahaminya, sebelum bahasa Arab dipengaruhi oleh bahasa asing, untuk membolehkannya memahami nas-nas agama daripada Qur'an dan Sunnah bagi mendapatkan kefahaman yang betul. Untuk itu ia perlu memahaminya sampai kepada tahap memahami tentang penyusunan ayat bahasa Arab itu sendiri sehingga membolehkannya membezakan antara ungkapan yang *sarih*, *zahir*, ungkapan yang *mujmal* dan *haqiqat*, ungkapan yang *majaz*, ungkapan yang *'am* dan *khas*, *muhkam* dan *mutashabih*, *mutlaq* dan *muqayyad* dan sebagainya.

Tidak ada siapa akan sanggup mendakwa berijtihad *mutlaq* pada masa kini melainkan orang yang singkat akal dan kurang ilmunya. Sesungguhnya kami dapat setengah daripada orang-orang yang bodoh yang mendakwa diri mereka berijtihad itu telah menunjukkan *istinbat* hukum-hukum yang ganjil-ganjil yang tidak pun layak diterima oleh seorang awam yang biasa lebih-lebih lagi ia tidak layak diterima oleh orang yang alim. Allah memberi rahmat kepada seseorang yang mengetahui had keupayaannya, dan dia bertindak sekadarnya. Sesungguhnya membuka pintu ijtihad dengan seluas-luasnya pada masa ini, akan memberi jalan kepada ramai orang untuk mendakwa bahawa dirinya *mujtahid*, dan mungkin akan timbul keadaan di mana setiap orang merasakan dirinya layak berijtihad akan mengajak orang untuk mengikutinya dan bertaqlid kepadanya. Kalau ia berlaku ia akan menimbulkan kemusnahan yang besar, bala yang dahsyat, memecahkan perpaduan dan jamaah, menghancurkan kesatuan dan ia akan belarutan berlakunya bala-bala yang akan dialami oleh semua.

Sayyid Muhammad bin Sayyid 'Alawi al-Maliki al-Hasani pula ada menyatakan tentang golongan aliran *Salafi* atau *Wahabi* dalam bukunya "*Manhaj al-Salafi fahm al-Nusus baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*".

Kita telah ditimpa dengan pelbagai bala dan musibah yang besar di mana kita mendengar dan kita melihat orang yang melaungkan kata-kata *fasiq*, *bid'ah*, *kafir* dan sebagainya kepada orang lain disebabkan oleh perkara-perkara hukum *khilafiyah* yang berlaku dalam kehidupan manusia. Perkara ini tidaklah sepatutnya dibesar-besarkan yang ianya boleh menimbulkan kegembiraan kepada musuh-musuh yang sentiasa mengintai dan memerhati kita dalam semua sudutnya. Mereka mempunyai pengikut dan penyokong-penyokongnya. Oleh itu, kita perlu memahami untuk membezakan antara perbezaan pendapat dalam memahami nas *Zannī* yang menghasilkan hukum dengan pendapat daripada golongan yang menggunakan akal yang mengheret manusia kepada permusuhan, kebencian, kekafiran dan kefasikan.¹⁰

Suatu perkara yang tidak dapat ditolak yang telah berlaku ialah adanya perbezaan pendapat di antara para sahabat r.a dalam perkara-perkara ijtihad seperti masalah perbezaan pendapat mereka dalam memahami maksud sabda Rasulullah s.a.w ...

Maksudnya, "Jangan sembahyang Asar seseorang dari kamu melainkan di Bani Quraizah".

Demikian juga Hadith tentang al-Azl, katanya....ms18...

Maksudnya, "Kami melakukan azal (mengeluarkan mani di luar faraj), sedangkan wahyu sedang turun".

Perbezaan pemahaman dan pendapat di kalangan para sahabat berlaku dalam perkara tersebut. Antara perbezaan pendapat di kalangan sahabat juga ialah tentang dua seorang lelaki berhadath besar untuk menyucikan diri dengan bertayammum kemudian dia berguling di atas debu sebagaimana bergulungnya seekor binatang, sementara seorang lagi yang berhadath besar, menyucikan diri dengan cara bertayammum sahaja.

Kemudian kedua-duanya datang menemui Nabi s.a.w menjelaskan apa yang telah mereka lakukan. Nabi merestui perbuatan tayammum salah seorang daripada mereka, dan seorang lagi yang menyuci dirinya dengan berguling di atas debu, Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya, "Sesungguhnya memadai engkau melakukan begini, dengan menepuk kedua tangannya di atas debu untuk menjelaskan kepadanya apa yang tepat dan betul tetapi baginda

¹⁰ Al-Maliki al-Hasani, 1419H, *Manhaj al-Salafi fahm al-Nusus baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, hlm. 13, 14.

tidak menyuruh si lelaki itu mengulangi sembahyangnya.” Contoh-contoh seperti ini banyak terdapat dalam kitab-kitab Sunnah dan Hadith yang menunjukkan para sahabat berbeza pendapat dan mereka berijtihad dalam hidup mereka.

Tetapi perbezaan pendapat dan ijtihad mereka itu disertakan dengan adab iaitu menjaga kedudukannya masing-masing dengan penuh kemesraan dan pertautan. Demikianlah gambaran para sahabat dan imam-imam mazhab dalam memahami perbezaan pendapat.¹¹

Kata Sayyid Muhammad, Aku mendengar kata-kata penting daripada bapaku yang diucapkan dalam satu majlisnya, apabila ada sebahagian daripada palajar-pelajarnya memberitahu beliau tentang pergaduhan kecil yang berlaku dalam masjid al-Nabawi antara pengawal masjid al-Nabawi dengan salah seorang jemaah yang bersembahyang. Pergaduhan berlaku disebabkan pengawal itu membantah sembahyang yang dilakukan oleh beliau selepas Subuh atas alasan bahawa sembahyang itu menyalahi Sunnah, tidak harus dan bid'ah. Maka lelaki itu bagaimanapun membantah pengawal itu yang menghalangnya untuk sembahyang maka berlakulah pertengkaran antara keduanya. Apa kesudahan yang berlaku kepada mereka berdua tidak penting, tetapi apa yang menjadi perhatian kita di sini ialah bapaku r.a menjadi saksi dalam kejadian itu dan beliau berkata, “Kalaukah pengawal itu seorang yang berilmu, berakal, dan faham nescaya dia berlapang dada dalam perkara seperti itu. Apabila dia mengambil sikap membantah dan menolak sedangkan perkara ini diketahui terdapat di sana hadith-hadith dan beberapa nas dalam masalah ini dan para ulama' ada ijtihad mereka dan istinbat hukum yang mereka capai. Jika dia dapat mempelajari dan memahaminya dengan baik nescaya dia boleh memaafkannya dan mengambil jalan keluar yang baik. Tidak syak lagi bahawa seorang alim bila luas ilmunya dan pemikirannya maka akan luaslah dadanya dan lapanglah hatinya.”¹²

Saya ada mendengar guru kami Sheikh Hasan Yamani berkata bahawa seorang pelajar ilmu apabila bertambah fahamannya dan pendapatnya terhadap mazhab maka akan berkuranglah penolakannya ke atas pendapat orang lain. Saya juga ada mendengar daripada guru kami Sheikh Hasan al-Mashat berkata kepada sebahagian daripada kawan-kawan kami yang sama-sama belajar ilmu bahawa beliau mengkritik seorang awam tentang sesuatu yang dilakukannya; adakah kamu mengetahui apa mazhabnya? Adakah kamu mengetahui hukum masalah ini dalam mazhabnya? Adakah engkau mengetahui apakah dalil masalah ini dalam mazhab engkau? Dan apakah dalil yang berlainan yang engkau mengetahuinya? Adakah engkau mengetahui jawapannya dengan dalil?

¹¹ Ibid, hlm. 14.
¹² Ibid, hlm. 15.

Saya juga mendengar guru kami Sheikh Muhammad Nur Saif yang berkata bahawa kebanyakan masalah dan musibah yang timbul daripada orang yang mengeluarkan perintah *amar ma'ruf dan nahi mungkar* adalah datang daripada orang yang tidak ada kelayakan ilmu.¹³

Yusuf Qardawi ada berkata, bahawa terdapat orang yang menyatakan bahawa mazhab-mazhab itu membawa perpecahan kepada orang-orang Islam. Sebenarnya ia satu pendapat yang tidak benar; perbezaan pendapat dalam masalah *furu'* tidak menjelaskan perpaduan orang-orang Islam; para sahabat berbeza pendapat antara mereka, para *tabi'in* juga berbeza pendapat antara mereka, demikian juga imam-imam mazhab semua mereka berbeza pendapat, tetapi ia tidak mendatangkan apa-apa kemudarat dengan sebab perbezaan itu. Andainya yang menyatakan bahawa dengan adanya nas Qur'an atau Hadith sudah mencukupi untuk menghapuskan perbezaan pendapat, menyatakan kesatuan pemikiran sebagaimana yang difahami oleh golongan aliran *Athariyyah* semasa, yang saya namakan mereka ini golongan “Zahiri” baru, adalah tidak tepat sama sekali dan kesalahan mereka ini telah, saya jelaskan dalam tulisan saya yang lain.¹⁴

Antara pendapat yang saya utarakan ialah dalam kitab “*al-Sahwah al-Islamiyyah baina al-Juhud wa al-Tataruf*”; sesungguhnya kita semua mengetahui bahawa pada masa ini ada golongan manusia yang berusaha bersungguh-sungguh dan mengajak orang lain bersama mereka untuk merealisasikan andaian mereka bahawa, mereka berupaya menyatakan manusia dalam aliran satu pendapat yang mereka terima dan mereka beramal dengannya berdasarkan apa yang mereka fahami daripada nas-nas syara', dengan langkah demikian dapat melupuskan aliran mazhab, meghilangkan perbezaan pendapat, dan semua masyarakat akanersatu dalam satu pendapat. Sedangkan mereka lupa bahawa kefahaman mereka terhadap nas-nas itu tidak lebih daripada pendapatnya yang ada kemungkinan salah dan ada kemungkinan betul, tidak ada di sana unsur *Ismah* pada seseorang ilmuan terhadap pendapatnya, apa yang dapat dicapai daripada *ijtihadnya* itu ialah pahala daripada Allah s.w.t, sama ada *ijtihadnya* itu salah atau benar. Dengan demikian apa yang mereka lakukan itu tidak lebih daripada menambah satu lagi mazhab baru kepada mazhab-mazhab yang telah sedia ada.¹⁵

Apa yang menghairankan kita ialah mereka ini mengingkari tentang mengikut mazhab dan *bertaqlid* kepada imam-imamnya sedangkan mereka sendiri menuntut sebahagian besar manusia supaya mengikut pendapat mereka, dan *bertaqlid* kepada mereka. Dengan pendapat saya demikian jangan pula saya dianggap sebagai orang menolak seruan orang yang mengajak mengikuti nas-nas itu atau memahami nas-nas. Sebenarnya ijtihad itu menjadi hak bagi setiap muslim yang mencukupi syarat-syarat ijtihad dan kaedah-kaedahnya, dan tidak ada siapa yang

¹³ Ibid, hlm. 16, 17.
¹⁴ Yusuf al-Qardawi, 1993, *al-Sahwat al-Islamiyyah baina al-Juhud wa al-Tataruf*, Beirut, Lubnan: Mu'assah al-Risalah, hlm. 130.
¹⁵ Ibid.

mempunyai autoriti untuk menutup pintu ijtihad yang diperuntukkan oleh Rasulullah s.a.w kepada ilmuan-ilmuan, tetapi apa yang saya menolak ialah sikap keterlaluan mereka dalam mengecam kaedah-kaedah dan disiplin-disiplin ilmu ulama' umat ini dan sikap mereka menghina hasil pendapat-pendapat fiqh yang diwarisi. Mereka pula mendakwa dengan penuh angkuh bahawa mereka sahaja yang benar, dan golongan lain semuanya salah dan berada dalam kesesatan. Andaian mereka berupaya menghapuskan perbezaan pendapat dan mengumpul manusia dalam satu wadah yang satu, itu adalah dakwaan mereka sahaja, pendapat yang lebih adil dan tepat tentang taqlid dan bermazhab ini ialah apa yang diungkapkan oleh Hasan al-Banna dalam kitabnya *Usul al-Isyrin*, "Setiap muslim yang tidak ada keupayaan pemahaman kepada dalil-dalil hukum syara' hendaklah dia mengikuti seorang imam, sungguhpun begitu adalah baik baginya untuk memahami dalil-dalil imamnya sekadar kemampuannya.

Apabila dia menerima dan berpegang kepada pendapat yang disertakan dengan dalil, dan dalil pada pendapatnya maka benarlah apa panduan yang didapatinya itu dan memadai pendapat itu untuknya dan hendaklah dia melengkapkan dirinya dengan ilmu jika dirinya kurang dari sudut ilmu dan jika ia seorang ahli ilmu hendaklah ditingkatkan ilmunya sampai kepada tahap ijtihad¹⁶.

SUMBANGAN ULAMA' BERMAZHAB SHAFI'I KEPADA ILMU DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

a) Penyampaian ilmu dan kemahiran

Sumbangan ulama' beraliran mazhab Shafi'i dalam memartabatkan ajaran Islam dalam masyarakat adalah besar yang meliputi sumbangannya kepada golongan pemerintah dan masyarakat umum. Sungguhpun ulama' bermazhab mengambil Mazhab Shafi'i sebagai asas dalam tafsiran hukum dan fatwa bukanlah bermakna mereka tidak berijtihad, tetapi ijtihad mereka masih berada dalam kerangka mazhab dan menggunakan kaedah *Usul al-fiqh*mazhabnya.

Barangkali ijtihad mereka yang sangat menyumbang kepada perkembangan perundungan negara pada peringkat awal ialah pengkanunan undang-undang Islam untuk keperluan pelaksanaan pemerintah dimulai dengan Qanun Melaka pada 1444, kemudian diikuti dengan Qanun negeri-negeri lain seperti Pahang, Perak, Johor, Kedah dan lain-lain. Demikian juga ijtihad mereka dalam memilih amalan-amalan kerohanian untuk kebersihan jiwa dan mengukuh hubungan masyarakat dan sosial seperti zikir-zikir kematian dan talqin, upacara

¹⁶ Ibid, hlm. 131.

sebagai satu bentuk pengisytiharan perkahwinan dan persediaan jamuan makan serta buah t-upacara keagamaan seperti mengingati kelahiran Nabi Muhammad s.a.w, tahun baru Islam, hari Asyura dan lain-lain.

Selain itu mereka mempunyai seepentingan duniawi seperti dalam bidang ekonomi, pertanian dan perusahaan, begitu juga dalam kegiatan sosial seperti gotong-royong dalam majlis kenduri, perayaan-perayaan kemangat kebangsaan yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dalam usaha mereka mengembangkan bahasa Melayu dengan huruf Arab dalam bidang penyampaian ilmu dan pentadbiran negara, di samping penekanan mereka terhadap bahasa Arab dalam penyebaran ilmu. Mereka juga amat menghormati budaya bangsa dalam berpakaian dan berda'wah . Mereka tidak membawa balik budaya Arab dalam berpakaian, tetapi melahirkan bentuk pakaian Islam yang bercorak budaya Melayu, seperti baju Melayu misalnya dan tidak memakai purdah untuk wanita. Mereka tidak menyekat wanita daripada terlibat dalam kegiatan masyarakat sama ada untuk kagamaan dan menyelesaikan keperluan masyarakat. Mereka juga tidak disekat daripada terlibat dalam kegiatan keilmuan dan kegiatan kerohanian seperti menghadiri Majlis ilmu agama dan solat berjama'ah di masjid dan surau.

Mereka diberi kebebasan bergerak dalam masyarakat selama tidak terdedah kepada bahaya dan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat, tidak sebagaimana wanita dalam masyarakat Islam di negara-negara lain yang amat terbatas penglibatannya dalam masyarakat.

Sumbangan ulama' bermazhab dalam pembentukan budaya masyarakat juga tidak dapat dinafikan. Budaya dalam majlis perkahwinan umpamanya, turut diterapkan aspek agama seperti hiburan selawat dan paluan rebana diperkenalkan, majlis persandingan diadakan angan untuk tetamu.

Demikian juga dalam bidang pertukangan, perubatan, perbomohan dan perbidanan, ilmu mempertahankan diri, budaya berkhatan anak serta majlis khataf Qur'an.Dalam bidang keilmuan, mereka menulis kitab dalam pelbagai bidang ilmu seperti fiqh, aqidah, akhlak, tasawwuf, tafsir, bahasa, sejarah, perubatan, pertukangan, perusahaan dan lain-lain. Penulisan mereka juga mansasarkan kepada pelbagai peringkat masyarakat sama ada untuk kanak-kanak mahupun orang dewasa. Hasil penulisan mereka dalam bidang agama adalah lebih menonjol sama ada mereka menghasilkan karya asli atau menterjemahkan buku-buku rujukan muktabar yang diterbitkan di Timur Tengah. Karya-karya penting seperti *Tafsir Baidawi*, *Ihya' Ulum al-Din* yang diberi judul *Siyar al-Salikin*, *bidayah al-Hidayah* dengan tajuk *Hidayah al-Salikin* karya Abdul Samad al-Falanbangi, demikian juga kitab-kitab lain seperti *Matlaat Badrain*, *furu' al-Masa'il* oleh Sheikh Dawud dan lain-lain. Manakala karya dalam bahasa Arab pula terdapat *Tafsir al-Qur'an Maraqiy al-'Ubudiyyah* ulasan *Bidayat al-Hidayah* karya Sheikh al-Nawawi al-Jawi.

Dalam bidang perundangan, mereka turut memberi sumbangan dalam bentuk susunan Qanun untuk pentadbiran keadilan pemerintah yang berbeza dengan penulisan buku-buku fiqh. Ulama' bermazhab mengambil Mazhab Shafi'i sebagai asas tafsiran hukum untuk kegunaan pemerintah dan masyarakat awam. Melalui pendekatan ini, memudahkan masyarakat memahami Islam dan memudahkan pemerintah melaksanakan Islam dalam negara. Umumnya dalam amalan keagamaan dari sudut fiqh adalah bersandarkan Mazhab Shafi'i dan dalam kerohanian dan Tasawwuf diambil pemikiran al-Ghazali dan al-Nawawi.

a) Kesan usaha mereka

Hasil usaha ulama' bermazhab yang menggunakan pendekatan dakwah dengan cara mendampingi pemerintah dan rakyat telah memberi kesan yang sangat besar terhadap Islam dan pembangunan umat. Islam dapat bertapak dalam pemerintahan, bahasa Melayu dan budaya Melayu sebagai alat untuk menyatukan umat. Begitu juga tafsiran Islam yang seragam dalam bidang hukum di peringkat pemerintah dan rakyat dapat mengukuhkan perpaduan umat dan memudahkan pemerintah melaksanakannya. Umat Melayu bersatu menjadi umat yang kuat, menjadi tonggak kepada kedaulatan negara dan Islam dijadikan agama negara serta ia menjadi salah satu daripada ciri-ciri orang Melayu.

Pendekatan penyebaran ilmu yang diasaskan oleh ulama' bermazhab itu diwarisi oleh ulama'-ulama' kemudian yang mendapat pendidikan di Al-Azhar dan Mekah dengan meneruskan pegangan amalan hidup keagamaan bersandarkan Mazhab Shafi'i dan menggunakan ijтиhad dalam perkara-perkara yang diperlukan oleh masyarakat berdasarkan kerangka Mazhab mu'tabar dan kaedah *usūl al-fiqh*. Justeru perhatian diberikan kepada perkara-perkara baru yang memerlukan ijтиhad. Sesuatu yang telah sebati dalam kehidupan masyarakat berdasarkan Mazhab Shafi'i dalam ibadat dan kekeluargaan tidak perlu kepada ijтиhad baru, kecuali jika ada keperluan seperti ijтиhad tentang harta sepencarian dan bayaran zakat dengan mata wang. Bidang-bidang lain yang memerlukan ijтиhad maka ia diteruskan dengan mengambil kira pandangan mazhab lain sekiranya pendapat mazhab Shafi'i tidak sesuai maka mazhab lain akan diterimakan.

Hal ini banyak terjadi dalam bidang *muamalat* yang diambil beberapa jenis akad dari mazhab selain Shafi'i seperti prinsip *al-Istisna'* menurut pandangan Hanafi dan prinsip *al-Tawarruq* dari pandangan Hanbali. Begitu juga dalam proses menganunkan undang-undang Syariah dalam Enakmen. Pendekatan ini membawa kepada perubahan pemikiran masyarakat dalam bidang hukum berlaku secara evolusi, teratur dan licin, serta tidak menggugat struktur besar pembinaan hukum dalam masyarakat. Dengan demikian ia dapat memenuhi keperluan "kata-kata mengekalkan yang lama yang bermanfaat dan membawa yang baru yang lebih baik."

Gerakan aliran tidak bermazhab telah bertapak di Malaysia hampir satu abad. Dalam jangka masa yang begitu lama, tidak nampak satu sumbangan yang besar dari sudut keilmuan dan pembangunan masyarakat yang mereka lakukan jika dibandingkan dengan sumbangan yang diberikan oleh ulama' yang beraliran mazhab. Apa yang dapat dilihat, aliran tidak bermazhab ini nampaknya belum dapat diterima dalam arus perdana masyarakat Malaysia sama ada di peringkat pemerintah dan rakyat. Hal ini mungkin disebabkan tidak adanya hasil karya ilmu yang berwibawa dan muktabar mahupun ulama' muktabar mengikuti aliran ini kecuali yang terpencil seperti al-Albani. Aliran ini juga tidak berlaku dalam pengalaman negara Islam selepas penerimaan mazhab tertentu dalam amalan masyarakat. Kenyataan yang jelas dapat dilihat di Arab Saudi masih bermazhab Hanbali, Turki, Mesir dan Pakistan bermazhab Hanafi, negeri-negeri Afrika seperti Libya, Tunisia dan Maghribi adalah bermazhab Maliki. Aliran tidak bermazhab ini sebenarnya tidak mempunyai asas autoriti yang kuat dari sudut keilmuan dan tidak cukup wibawa ulama'nya, jika dibandingkan dengan ulama' beraliran mazhab dan karya mereka.

Dalam perkembangan semasa, dengan berpegang kepada mazhab tertentu dalam tafsiran hukum dan amalannya seperti yang diamalkan di Malaysia, hakikatnya tidaklah menghalang kemajuan masyarakat. Berpegang dengan satu mazhab dalam perkara hukum yang berkaitan dengan ibadat dan kekeluargaan dapat mengukuhkan asas pembinaan masyarakat dan menguatkan perpaduan umat. Manakala dalam bidang-bidang yang memerlukan ijтиhad seperti *muamalat* dan sebagainya, kita diberi ruang untuk mengamalkan ijтиhad supaya hidup masyarakat terarah kepada satu matlamat yang jelas dalam amalan agama Islam. Kita tidak mahu pengalaman keceluaran pemikiran mazhab yang berlaku di Timur Tengah dan di sebahagian negara di Asia Tenggara seperti yang kita saksikan menjadi penyebab kepada terjejasnya perpaduan dan keselamatan serta kebahagiaan hidup masyarakat Islam. Ulama' kita dengan kekuatan ilmu dan komitmen dakwah telah dapat menyatukan umat Nusantara dengan mazhab Shafi'i, dari Filippina di Selatan sehingga ke Kemboja di Utara. Janganlah pula kita mengecewakan usaha mereka yang tinggi nilainya membangun ilmu dan umatnya dengan penuh padu ini dengan mempertikaikan kewibawaan mereka dan kekuatan ilmunya sedangkan golongan tidak bermazhab pemikirannya tidak berdasarkan disiplin ilmu yang kukuh dan tidak mengambil pengalaman dan disiplin ilmuan yang muktabar.

Asas kerangka ilmu yang diasaskan oleh ulama' bermazhab yang mewarisi pengalaman ilmu dan disiplinnya serta kaedahnya yang diambil dari ulama'-ulama' besar yang muktabar dari Timur Tengah mestilah dipertahankan dan mestilah dikembangkan dengan membuat beberapa pembaharuan dan pendekatan yang sesuai dengan keperluan semasa dan setempat bagi kepentingan dan keperluan umat dan negara seluruhnya.

PENUTUP

Ulama' tradisional telah melakukan usaha yang tidak mengenal penat dan lelah dengan penuh keikhlasan membangunkan umat dari berbagai sudut; sudut keilmuan dan keintelektualan, sudut spiritual dan material yang berteraskan Islam. Hasil daripada usaha ini mereka dapat menyatukan umat dan membangunkan negara. Usaha mereka dalam membangun umat berdasarkan ilmu Islam bersumberkan Qur'an, Sunnah dan ijtihad daripada tafsiran mazhab Shafi'i dalam fiqh mazhab al-Ash'ari dalam '*aqidah* dan pemikiran al-Ghazali dalam tasawwuf dan pembangunan masyarakat yang berteraskan tauhid. Di samping itu, dalam memahami bidang di atas mereka mengambil pendekatan taqlid sebagaimana yang diamalkan oleh ulama'-ulama' mu'tabar sebelumnya. Mereka juga turut melakukan ijtihad dalam perkara-perkara baru atau perkara-perkara yang sedia ada dalam mazhab Shafi'i tetapi tidak sesuai untuk dilaksanakan kepada masyarakat setempat. Ini bererti dalam mereka memahami hukum semestinya berasaskan Qur'an, Sunnah, *Ijmā'* dan *Qiyās* dengan mengambil kira bersama pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan ulama' mazhab Shafi'i yang terdahulu. Maka atas keilmuan dan *istinbat* hukum mereka tidak meninggalkan sumber asalnya dan juga mengambil kira urutan pendapat-pendapat ulama' mazhab Shafi'i dan kaedah pengambilan dan *istinbat* hukumnya.

Dengan demikian ia boleh membawa kepada keseragaman pendapat dan keseragaman amalan dalam perkara agama di peringkat masyarakat dan negara. Sedangkan bagi golongan tidak bermazhab, pada mereka hukum itu hanya daripada Qur'an dan Sunnah sahaja. Sumber pemikiran mazhab tidak ada nilai. Bagi mereka setiap orang hendaklah memahami perkara hukum terus daripada Qur'an dan Sunnah serta menggunakan ijtihad tanpa terikat kepada kaedah atau pendapat ulama'-ulama' terdahulu. Ini bererti semua muslim boleh berijtihad dan memahami hukum daripada sumber asalnya. Kalau itu yang berlaku ia akan menimbulkan kekacauan dalam masyarakat kerana kepelbagaiannya hukum ijtihad yang dikeluarkan daripada *mujtahid* yang berlainan, maka ia akan menyulitkan perlaksanaan hukum di peringkat awam dan pemerintah kerana tidak ada keseragaman pendapat dan fatwa terutamanya dalam perkara-perkara yang dibenarkan berbeza pendapat dan fatwa.

Prinsip *taqlid* di peringkat masyarakat awam adalah diperlukan kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk memahami hukum daripada sumbernya, kerana halangan bahasa, tidak mempunyai masa, dan tidak mendapat ruang untuk mendalami hukum daripada sumbernya yang asal, maka taqlid kepada mazhab tertentu adalah jalan terbaik bagi mereka. Bagi pemerintah pula kepentingan perlaksanaan hukum dalam masyarakat perlukan tafsiran mazhab tertentu untuk ditetapkan bagi keperluan mahkamah, maka mengambil tafsiran mazhab Shafi'i adalah satu keperluan kepada pemerintah untuk diikuti bagi keperluan penyeragaman amalan mahkamah di Malaysia. Langkah demikian dilakukan oleh semua negara Islam yang mengiktiraf tafsiran mazhab tertentu untuk negara masing-masing dan mahkamah terikat dengan tafsiran itu.

Gerakan aliran tidak bermazhab yang menimbulkan isu-isu *khilafiyah* dengan label *bid'ah dhalalah* atau pemakaian istilah yang tidak tepat dengan maksudnya yang sebenar, demikian juga istilah *salafi* yang digunakan kepada pendapat dan pemikiran ulama' *wahabiyyah* sahaja adalah telah tersasar daripada penggunaan *salafi* yang asal yang digagaskan oleh majoriti ulama' sebagai pendapat *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang merujuk kepada pendapat para sahabat, *tabi'in* dan *at-ba' al-Tabi'in* iaitu pendapat majoriti ulama'. Gagasan pemikiran *islah* yang dibawa oleh golongan aliran tidak bermazhab sebenarnya tidak menjadi kenyataan kerana ia diselubungi oleh isu-isu *khilafiyah* yang tidak berkesudahan dan konsep ijtihad yang dibawa juga tidak menepati kaedah *usūl* yang diamalkan oleh jumhur ulama' yang muktabar.

Oleh itu, demi untuk menjaga kepentingan perpaduan umat dan kepentingan pelaksanaan syariah di peringkat awam dan peringkat pemerintah maka mazhab Shafi'i wajib dipertahankan dan diperkuuhkan agar perpaduan umat Islam tidak terjejas. Ini kerana, persamaan kefahaman tentang ajaran Islam akan memudahkan masyarakat awam dan pihak berkuasa untuk melaksanakan hukum-hukum Islam bagi kepentingan masyarakat Islam lantaran mazhab Shafi'i ini telah bertapak di Malaysia hampir lima ratus tahun. Bersyukur kita kepada Allah kerana kita dibimbing oleh ulama'-ulama' yang ikhlas menyampaikan ilmu daripada sumbernya yang betul, kaedah pemahaman yang kukuh dan pendekatan penyampaian serta penghayatan ilmu secara tepat dan berkesan melalui adab-adabnya

SARANAN-SARANAN

- 1- Mazhab Shafi'i telah bertapak di Malaysia sejak pertengahan abad ke-15 hingga kini, maka pengalaman sejarah itu harus diabadikan.
- 2- Penerimaan pemerintah raja-raja melayu dan kerajaan sepanjang sejarah negara kita tidak pernah meninggalkan mazhab Shafi'i dalam masalah hukum kecuali dalam hal-hal tertentu.
- 3- Ia menjadi faktor pemersatu dari sudut pembentukan pemikiran, amalan dan pembentukan budaya hidup orang melayu di negara kita.
- 4- Pemerintah Negara bertanggungjawab dalam menentukan mazhab dalam masalah hukum untuk memudahkan pelaksanaan hukum dan menghayatinya untuk rakyat awam.
- 5- Penerimaan mazhab bagi sesebuah negara dan penentuannya adalah diterima oleh seluruh negara islam berdasarkan sejarahnya masing-masing. Ia merupakan pandangan ijma' jumhur ulama.
- 6- Kesan penerimaan Mazhab Shafi'i dalam penyatuan ummah dari sudut kefahaman islam dan amalannya dapat membentuk satu entity ummah iaitu umat melayu yang bebas daripada ikatan suku kaum, budaya dan identitinya.
- 7- Aliran mazhab lain untuk dimasukkan dalam kehidupan masyarakat melayu yang telah mantap kefahaman dan amalan mazhab shafi'i menimbulkan kekeliruan, kecelaruan dan perpecahan dalam kalangan umat.

LAMPIRAN

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-14 yang Diadakan di Johor pada 22-23 Oktober 1985, tentang Mazhab-Mazhab yang Muktabar dalam Fiqh Islam.

- 1) Ulasan
 - i. Mazhab-mazhab yang muktabar dalam Fiqh Islam dibentuk oleh imam-imam mujtahid yang terdiri daripada imam Abu Hanifah, imam Malik bin Anas, imam Muhammad bin Idris al-shafi'i dan imam Ahmad bin Hanbal.
 - ii. Imam-imam mazhab yang muktabar ini telah sepakat dalam menentukan sesuatu hukum bersandarkan kepada Qur'an, Hadith, *Ijma'* dan *Qiyās* dan dinamakan Mazhab *Ahl Sunnah Wa al-Jamaah*.
 - iii. Perselisihan imam-imam Mujtahid dalam hukum-hukum Fiqh adalah merupakan rahmat Allah s.w.t dimana sumber-sumber ijtihad itu dipetik dari ayat-ayat Qur'an dan Hadith dan dikupas sebagai pedoman dan asas ikutan umat Islam.
- 2) Keputusan
 - a. Setiap negeri di negara ini hendaklah mendasarkan fatwanya kepada Mazhab Shafi'i, kecuali jika didapati sebab-sebab yang tertentu untuk menggunakan mazhab-mazhab yang lain dan direstui oleh Sultan dan Raja negeri berkenaan.
 - b. Umat Islam di negara ini boleh mengajar dan belajar mazhab-mazhab yang lain selain daripada Mazhab Shafi'i di majlis-majlis pelajaran, tetapi tidak boleh bersyarah di khalayak ramai selain daripada pendapat Mazhab Shafi'i demi untuk mengelakkan salah faham dan perpecahan.
 - c. Setiap persatuan atau pertubuhan kebajikan atau orang perseorangan di negara ini adalah menjadi satu kesalahan menyebarkan secara terbuka fahaman mazhab-mazhab yang lain tanpa mengambil kira fahaman Mazhab Shafi'i.¹⁷

KEPUTUSAN MAJLIS MUZAKARAH ULAMA' SEMALAYSIA TENTANG MASALAH-MASALAH YANG DITIMBULKAN OLEH GOLONGAN TIDAK BERMAZHAB

Masalah بسم الله الرحمن الرحيم

Hukumnya : wajib membaca pada awal *al-Fatihah* di dalam sembahyang kerana ia adalah suatu ayat daripadanya.

Dalilnya عن ام سلمه رضي الله عنها (ان النبي صلى الله عليه وسلم قرأ بسم الله الرحمن الرحيم في (1) : اول الفاتحة في الصلاة وعدها آية) رواه ابن خزيمة في صحيحه ورواه البهقى وغيره.

Maknanya: daripada Umm Salamah r.a. , bahwasanya Nabi s.a.w. telah membaca pada awal *fatihah* di dalam awal sembahyang dan telah menghitung akan dia satu-satu ayat, yakni daripada *Fatihah* - Diriwayat oleh Ibn Khuzaimah di dalam *sahihnya* dan oleh Baihaqi dan lain daripadanya.

وعن ابن عباس رضي الله عنه في قوله تعالى (ولقد أتييناك سبعاً من المثاني) قال: (هي فاتحة (2) الكتاب) قال (فابن السابعة؟) قال (بسم الله الرحمن الرحيم) رواه ابن خزيمة في صحيحه والبهقى وغيره ولفظ البهقى عنه وعن على وابي هريرة (ان الفاتحة هي سبع من المثاني وهي سبع ايات وان البسملة هي الآية السابعة)

Maknanya: daripada Abdullah ibn Abbas r.a. pada mentafsir firman Allah Ta'alā dan sesungguhnya Kami telah kurnia akan engkau tujuh daripada *mathani*, sabda Rasulullah s.a.w. iaitu al-*Fatihah* , berkata ia: maka manakah yang ketujuh? Sabda Rasulullah s.a.w. بسم الله الرحمن الرحيم diriwayat oleh Ibn Khuzaimah di dalam *sahihnya* dan Baihaqi dan lain daripadanya dan lafaz Baihaqi daripada Ibn Abbas dan Ali ibn Abi Talib dan Abu Hurairah bahwasanya *Al-Fatihah* iaitu yang tujuh daripada *mathani* dan iaitu yang tujuh ianya dan bahwasanya بسم الله الرحمن الرحيم ialah ayat yang ketujuh.

¹⁷ Sumber JAKIM

Muzakarah yang diadakan pada 1953 di kepala Batas di hadiri oleh ulama'-ulama' dari beberapa negeri yang terdiri dari golongan ulama' pas dan UMNO untuk menyelesaikan perkara yang penting untuk kesatuan ummat. Maklumat ini daripada Ustaz Baqir dan Dato' Hj Abdul Manaf. mereka ada menyimpan beberapa nama peserta muzakarah tersebut.

و في ميدن الدار القديمى عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : (إذا قرأتم (3)
الحمد لله أو أيا بسم الله الرحمن الرحيم ، إنها آم القرآن وأم الكتاب والسبع المثانى و بسم الله الرحمن الرحيم
أعدهى أياتها)

Maknanya: di dalam kitab Sunan Dar al-Qutni daripada Abi Hurairah kata ia, telah bersabda Rasulullah s.a.w. apabila membaca kamu *alhamdulillah* maka hendaklah kamu membaca بسم الله الرحمن الرحيم . Bahwasanya ia ayat *Fatihah*, *Ummal-Qur'an* dan *Umm al-Kitab* dan *saba'a mathani* dan bermula satu daripada ayat-ayatnya, kata Dar al-Qutni, ahli-ahli *sanadnya* sekalian ada kepercayaan.

و عن ابن رضي الله عنه قال " بينها رسول الله صلى الله عليه وسلم يوم بين اظهرنا اذا أغفى ثم (4)
رفع رأسه متسبما فقلنا ما اضحكها يا رسول الله ، قال انزلت على سورة فرقا
بسم الله الرحمن الرحيم انا اعطيتك الكوثر ، فصل لربك وانحر ، ان شانتك هو الابت" رواه مسلم

Maknanya: di antara Rasulullah s.a.w. pada suatu hari bersama-sama kami, tiba-tiba terlena ia sejurus kemudian mengangkat ia kepada dengan tersenyum, maka bertanya kami : apakah gerangannya mengetawakan tuan hamba ya Rasulullah? Maka sabda ia, telah diturun kepada aku satu surah, maka membaca ia, *بسم الله الرحمن الرحيم*. انا اعطيتك الكوثر hingga ke akhir surah.

وعن ابن عباس رضي الله عنه قال : كان النبي صلى الله عليه وسلم لا يعرف فصل السورة حتى (5)
ينزل عليه بسم الله الرحمن الرحيم - رواه الحاكم فى المستدرك وقال حديث صحيح على شرط البخارى
ومسلم ورواه ابو داود وغيره.

Maknanya; daripada Ibn Abbas telah berkata ia: adalah Nabi s.a.w. tiada mengetahui ia akan penceraian surah hingga diturunkan kepadanya بسم الله الرحمن الرحيم riwayat Hakim di dalam kitab المستدرك dan berkata ia Hadith Sahih atas syarat Bukhari dan Muslim dan diriyatkan oleh Abu Dawud dan lainnya juga.

Keterangan:

- (1) Di ambil keterangan daripada Hadith Umm Salmah nombor (1) dan daripada Hadith Ibn Abbas nombor (2) , begitu juga Hadith Ibn 'Abbas, 'Ali dan Abu Hurairah yang diceritakan oleh Baihaqi dan daripada Hadith

satu daripada surah-surahnya.

Taubat.

Menolak keterangan yang berlawanan:

Adapun hujah mereka yang menggugurkan بسم الله الرحمن الرحيم pada permulaan al-Fatihah ialah berpegang kepada hadith ini:

عن ابن مغفل قال سمعتى ابى وأنا أقرأ بسم الله الرحمن الرحيم فقال يا بنى اياك والحديث فانى صليت مع رسول الله وابى بكر وعمر فلم اسمع رجلا منهم يقرءونها. قال ابو عمر بن عبد البر : ابن مغفل رجل مجهول.

Maknanya: kata-kata Ibn Mughafal telah mendengar akan aku oleh bapaku pada hal aku membaca بسم الله الرحمن الرحيم maka berkata ia, wahai anakku takuti engkau akan mengada-ada maka bahawasanya aku telah bersembahyang serta Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar dan Umar maka tiada aku mendengar seorang daripada mereka itu membaca akan ia – berkata Abu Umar Bin Abdul Barr adalah Ibn Mughafal seorang yang tidak dikenali.

بسم الله الرحمن الرحيم
Maka tidak terdiri hujah dengannya pada menggugurkan pada permulaan *Fatihah* di dalam sembahyang.

Masalah Azan yang Pertama Pada Hari Jumaat

Hukumnya : Hukum azan yang pertama sebagaimana yang dilakukan pada hari Jumaat itu sunat.

Dalilnya : Adapun dalil sunatnya azan yang pertama itu ialah kerana asalnya azan itu diperintahkan oleh Saidina Uthman r.a. yang tersebut di dalam hadith Abi Dawud dan lainnya.

satu daripada

Keterangan:

Azan seperti yang tersebut itu, tidak dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan tidak juga dilakukan pada zaman Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar. Ia hanya dilakukan pada zaman Saidina Uthman, dengan perintah Saidina Uthman iaitu setelah orang-orang bertambah ramai, maka tiap-tiap perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana seorang daripada sahabat Rasulullah yang empat iaitu Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan Saidina Ali tiadalah boleh dikatakan perbuatan itu *bid'ah dhala* kerana kita telah diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya mengikut sunnahnya dan sunnah sahabat-sahabat yang tersebut dengan katanya;

"عليكم بستني وسنة الخلفاء الراشدين"

Ertinya; hendaklah kamu berpegang kepada sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rashidin.

Menolak Keterangan Yang Berlawanan.

Dengan keterangan yang tersebut nyatakan tertolak perkataan mereka yang mendakwa bahawa bang itu tiada sunat atau dikatakan azan itu *bid'ah dhala* dengan sebab ia tidak dilakukan ia pada zaman Rasulullah s.a.w.

Dan jika orang-orang yang mengatakan bahawa 'illah azan kerananya diperbuat akan ia, bang itu oleh Saidina Uthman telah tiada lagi, maka kita katakan yang demikian itu adalah dakwa tidak benar, kerana orang-orang yang dimaksudkan berkumpul kerana menunaikan Jumaat di sebuah masjid pada hari Jumaat ini adalah bertaburan sama seperti yang ada zaman Saidina Uthman itu ataupun boleh dikatakan lebih daripada itu. Sedangkan perkara-perkara yang melalaikan orang-orang daripada hadir ke masjid itu pula telah bertambah-tambah pada hari ini.

Masalah (معاشر المسلمين)

Hukumnya:Perkataan Bilal selepas naik khatib ke atas mimbar dan sebelum daripada dia membaca khutbah yang berbunyi "المعاشر المسلمين و زمرة المؤمنين " hingga akhirnya, hingga "ان الله و ملائكته" اذا قلت لصاحبك يوم الجمعة: " hingga akhirnya adalah hukumnya *bid'ah hasanah* tersebut di dalam juz *Tuhfah* muka 461

Dalilnya:Dalil menunjukkan perbuatan itu dituntut oleh syara' ialah kerana perkataan yang disebut mengandungi ayat supaya menyuruhkan tiap-tiap seorang membanyakkan selawat ke atas Nabi s.a.w. terutama pula pada hari Jumaat, dan mengandungi pula akan Hadith yang mengingatkan supaya seseorang itu jangan lagi berkata-kata setelah khatib naik di atas mimbar

dan membaca khutbah. Maka bersuruh-suruhan dengan perkara kebijakan dan beringat-ingat di antara satu sama lain adalah perbuatan yang diperintahkan oleh syara'iaitu yang termasuk di dalam umum, firman Allah s.w.t :

وَالنَّكْمُ مِنْكُمْ أَمْةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ“

Dan firmanNya:

”وَذَكْرُ فَانِ الذَّكْرِي تَنْفُعُ الْمُؤْمِنِينَ“

Kata Syeikh Ibn Hajar lagi di dalam *Tuhfahnya*; dalil bagi sunatnya, juga perbuatan tersebut ialah *dīqiyāskan* dengan perbuatan Rasulullah s.a.w. yang telah menyuruh seseorang supaya mengarahkan pendengar-pendengar bagi memerintahkan memerhatikan khutbah Rasulullah s.a.w. di Mina.

Keterangannya:

Maka dengan ini bersandarkan kepada Qur'an dan Hadith bagi perbuatan yang dilakukan oleh bilal-bilal setelah Khatib naik ke atas mimbar dan sebelum ia membaca khutbah itu maka tiadalah sekali-kali boleh dikatakan perbuatan itu perbuatan yang sesat.

Menolak Keterangan Yang Berlawanan

Dengan ini nyatalah tiada benar sekali-kali perbuatan mereka yang melarang amalan yang tersebut itu dilakukan, dan tiada harus sekali-kali dikatakan bahawa amalan itu *bid'ah dhalalah* selagi sesuatu amalan itu termasuk ke dalam sesuatu kaedah syara' yang am yang bersandarkan Qur'an dan Hadith.

Masalah Jumaat

Hukumnya: Adapun hukumnya mendirikan sembahyang Jumaat itu ialah wajib dengan beberapa syarat setengah daripadanya bahawa didirikan dengan bilangan yang tidak kurang daripada empat puluh orang.

Dalilnya: Dan dalil wajibnya itu ialah firman Allah s.w.t.:

”اَذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَلَا سُعُوا اَلِذْكُرِ اللَّهِ“

Ertinya: "Apabila diseru kepada sembahyang di hari Jumaat hendaklah kamu pergi kepadanya"

Dan sabda Rasulullah s.a.w. :

”الجمعة حق واجب على كل مسلم في جماعة إلا أربعة عبد مملوك وامرأة أو صبي أو مريض“

Ertinya: "Sembahyang Jumaat itu adalah hak yang wajib ditunaikan oleh tiap-tiap orang Islam kecuali empat orang iaitu hamba yang dimiliki, orang perempuan, kanak-kanak dan orang sakit."

Dan tiadalah sah didirikan Jumaat itu melainkan dengan bilangan yang sekurang-kurangnya empat puluh orang termasuk imam. Dalilnya ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan *sanad Hassan* berbunyi:

عن عبد الرحمن بن كعب بن مالك عن أبيه قال: أول من جمع بنا في المدينة اسع بن زراره قبل مقدم النبي

صلى الله عليه وسلم في بقعة الخصام ، قلت كم كنت قال اربعون رجلا

-Kata al-Baihaqi Hadith Sahih-

Keterangan:

Disebutkan oleh Imam Nawawi di dalam *sharah al-Muhadhdhab* demikian terjemahannya: jalan mengambil dalil daripada yang tersebut di atas ini bagi mensyaratkan empat puluh orang dikatakan baginya: telah *jma'* orang Islam umumnya pada mensyaratkan sembahyang Jumaat ini dengan berjemaah dan hukumnya yang asalnya ialah zohor maka tiadalah sah didirikannya itu melainkan dengan bilangannya, sabit datangnya daripada Rasulullah s.a.w. Maka sesungguhnya telah sabit harus mendirikan Jumaat itu dengan bilangan empat puluh orang – dengan Hadith yang tersebut – dan tiada harus didirikan dengan kurang daripadanya melainkan dengan dalil yang *sarih*, sedang Rasulullah s.a.w telah berkata:

” صلوا كما رأيتوني أصلى ”

Ertinya: "Hendaklah kerjakan sembahyang (Jumaat) itu sebagaimana yang aku perbuat akan ia".

Dan tidak ada sabit sama sekali yang Rasulullah s.a.w pernah mengerjakan sembahyang Jumaat itu dengan bilangannya yang kurang daripada empat puluh orang.-*sharah al-Muhadhdhab*.

Menolak Keterangan yang Berlawanan.

Menolak Keterangan yang Berlawanan.

Ada seorang yang menyatakan bahawa solat Jumaat itu harus didirikan dengan bilangan jemaahnya kurang daripada empat puluh orang, dan mereka itu bersandarkan kepada dalil Hadith Umm Abdullah al-Dausiyyah yang berbunyi:

”الجمعة واجبة على كل القرية فيما امام وان لم يكون الا أربعة“

Ertinya: “Jumaat adalah wajib ke atas kampung-kampung yang ada di dalamnya imam sekalipun mereka itu hanya ada empat orang”.

Dan pada setengah riwayat yang lain ”. وان لم يكونوا الا ثلاثة“.

Ertinya: “Sekalipun tidak ada di dalam kampung itu hanya tiga orang sahaja.”

Hadith ini diriwayatkan oleh Dar al-Qutni dan Ibn Ada dan kedua-duanya telah mendhaifkan Hadith ini dan Hadith ini Hadith *Munqati'*

Dan orang-orang ini juga berdalilkan Hadith Jabbar yang berbunyi:

”ان النبي صلى الله عليه وسلم كان يخطب قائمًا يوم الجمعة فجاءت غير من الشام فانتقل الناس إليها حتى لم يبق إلا اثنا عشر رجلا“

Ertinya: “Adalah Nabi s.a.w. pada suatu kali sedang berkhotbah dengan berdiri pada hari Jumaat tiba-tiba datanglah satu rombongan perniagaan daripada negeri Syam dan orang-orang yang sedang hadir itu pun keluar mendapatkan rombongan tersebut hingga tidak tinggal melainkan dua belas orang sahaja.”

Kedua-dua Hadith ini tiada boleh dijadikan dalil yang menunjukkan bahawa solat Jumaat itu harus didirikan dengan bilangan jemaah dua belas orang atau kurang daripadanya kerana Hadith yang pertama iaitu Hadith Umm Abdullah al-Dausiyyah ialah Hadith yang dhaif sebagaimana yang telah dinyatakan dan Hadith Jabbar yang tersebut ada padanya *ihtimal* iaitu boleh jadi orang-orang yang pergi mendapatkan angkatan itu kembali dengan serta merta ataupun orang lain daripada mereka hadir ketika itu juga sebelum loput sesuatu rukun daripada rukun-rukun khutbah, sedangkan Hadith yang tersebut tiada menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w memulakan sembahyang dengan bilangan dua belas orang.

Maka dengan adanya *ihtimal* tersebut tiadalah boleh Hadith tersebut dijadikan dalil membolehkan sembahyang Jumaat didirikan dengan bilangan jemaah dua belas orang kerana

menurut kaedah *usul* بها الاستدلال “Ertinya: Sesuatu kejadian yang berlaku apabila ada padanya *ihtimal* jadilah ia mujmal maka ia tidaklah boleh dijadikan dalil.

Masalah membaca *usallī* ketika Hendak Sembahyang

Hukumnya: Membaca *usallī* itu hukumnya sunat bukan *bid'ah dhalalah*.

Dalilnya: Tersebut di dalam *al-Nihayah* juzu' yang pertama muka nombor 340 :

(ويندب النطق بالمعنى فيبيل التكبير ليساعد اللسان القلب ولأنه ابعد عن الواسوس والخروج من خلاف من اوجهه)

Ertinya: Dan disunatkan berkata dengan barang yang diniatkan dahulu sedikit daripada takbir supaya menolong lidah akan hati supaya terjauh daripada was-was dan supaya keluar dari *khilafo* orang yang mewajib akan ia.

(وقياسا على ما يأتي في الـ حـ) dan ditambah pada tempat ini di dalam *Tuhfah* dengan katanya (kerana qiyas, kerana niat haji yang akan datang dan ibaratnya pada kitab *al-hajj*

”المحرم اي مريد الاحرام ينوي بالقلبه وجو بالخبر: ” انما الاعمال بالنيات ” ولسانه نداء بالاتباع ”

Yang bererti orang yang mengkehendaki *ihram* itu berniat ia dengan hatinya kerana hadith ” انما الاعمال بالنيات ” dan berlafaz dengan lidahnya kerana mengikut Nabi s.a.w. kerana Hadith yang telah diriwayat oleh Anas Bin Malik berkata ia:

”سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول لبيك بحجة و عمره“
”لبيك بحجة و عمره“ yang bererti aku dengar Rasulullah s.a.w. berkata ia

Keterangan:

Difaham daripada *ibarat Nihayah* dan *Tuhfah* yang tersebut itu dan seumpama ke *Dewan mazhab* dan makna bahawa berlafaz *usallī* itu sunat. Dan *illahnya*:

- 1) supaya menjadi pertolongan kepada lidah
- 2) supaya terkeluar daripada was-was
- 3) kerana memelihara *qaul* yang mengatakan wajibnya
- 4) kerana qiyas pada niat haji dan telah sabit bahawa Nabi s.a.w. berlafaz dengan niat haji seperti yang zahir pada riwayat Saidina Anas yang tersebut itu.

Menolak Keterangan Yang Berlawanan

Adapun Hadith yang dipegang oleh orang yang mengharamkan *usallī* adalah Hadith yang di riwayat oleh Bukhari dan Muslim iaitu sabda Nabi s.a.w.

”اذا قمت الى الصلاة فكير“

Yang bererti: “Apabila engkau berdiri kepada sembahyang maka takbir olehmu.” Maka Hadith ini semata-mata menunjukkan bahawa rukun yang dikerjakan di awal sembahyang ialah takbir, maka berlafaz *usallī* ini bukannya rukun sembahyang, bahkan ianya satu perkara yang disunatkan bersandarkan kepada dalil yang telah lalu itu dan Hadith ini tidak menunjuk bahawa Nabi melarang berlafaz dengan *usallī*. Sekiranya ada orang yang berkata Hadith ini mengharamkan berlafaz *usallī*, maka kami berkata hadith inilah yang mengharamkan berniat sama sekali walaupun dengan hati kerana nabi tidak berkata takbir olehmu dan berniat olehmu. Maka mazhab apakah pula yang menyatakan sembahyang tidak payah berniat itu?. Dan juga ada orang yang berkata bahawa berniat dengan hati itu diambil daripada Hadith “انما الاعمال بالنيات” yang bererti bahawa segala amal itu sah dengan niat. Maka kami berkata – bahawa berlafaz dengan *usallī* itu pun ada nasnya seperti yang disyarat oleh al-Allamah Al Sheikh Khatib di dalam *Mughni*

Masalah membaca Sayyidina di dalam dan di luar sembahyang

Hukumnya: membaca *sayyidina* itu hukumnya sunat bukannya *bid'ah dhalalah*.
Dalilnya: Firman Allah Ta'ala pada surah al-*Nur* ayat 36:

“ لا تجعلوا دعاء الرسول بينكم كدعاء بعضكم بعضاً ”

Yang bererti : “Jangan kamu jadikan seruan kamu akan Rasul di antara kamu seperti seruan setengahnya kamu akan setengahnya.”

Hadith yang telah meriwayat oleh Muslim dan Abu Dawud daripada Abi Hurairah r.a berkata ia telah bersabda Rasullullah s.aw “أنا سيد ولد أدم يوم القيمة” yang bererti bermula aku penghulu anak Adam pada hari kiamat. Al-Athar telah meriwayat Tabrani di dalam “Awsat” dengan sanad yang Hasan daripada Ibn Umar r.a berkata ia :

ان عمر بن الخطاب خطب يوم الجمعة فقال اللهم صلي على سيدنا محمد - الخ - فلما فرغ من الصلاة سأله الصحابة فقالوا، " يا أمير المؤمنين كيف نسجد لرسول الله " فقال " ادوا لرسول الله "

Yang bererti : “Bahawa sesungguhnya Umar Ibn al-Khattab berkutbah ia pada hari Jumaat, maka berkata ia “اللهم صلي على سيدنا محمد” hingga akhirnya. Maka tatkala selesai dari sembahyangnya bertanya akan dia oleh segala sahabat, “Hai amir Al Mu'min” betapa engkau menyebut “sayyid” bagi Rasullullah,” berkata Umar , “kerana beradab dengannya.”

Keterangan

Tersebut di dalam *Taj al-Tafsir* pada mengenakan ayat yang tersebut itu katanya, “Jangan kamu jadikan seru Rasul itu seperti seru setengah kamu akan setengahnya maka kamu kata, “ya Muhammad – tetapi hendaklah kamu berkata, “Ya Rasullullah – Ya Nabi Allah dengan adab dan merendahkan suara serta khudu'- Demikian juga kemudian daripada wafatnya tiada sesekali berkata seorang itu” قال محمد tetapi hendaklah ia berkata “اللهم صل على رسول الله ” atau Sayyidina wa maulana (سيدنا و مولانا) seperti demikian tersebut di dalam khazin dan begitu pula kita dapat faham daripada hadith Abu Hurairah bahawa Nabi sendiri telah mengaku dirinya penghulu anak Adam maka betapakah pulakita menyebut barang yang Nabi sendiri telah mengaku bagi dirinya. Dan begitu juga dapat kita ketahui daripada Athar yang tersebut bahawa Amir Al Mukminin Umar Ibn Al Khattab telah menyebut Sayyidina itu di dalam khutbah Jumaatnya di hadapan segala sahabat Nabi- dan mereka itu tidak membantahi akannya setelah dijawabnya bahawa perkataan itu kerana beradab dengan Nabi dan Nabi ada bersabda; (عليكم بستي وسنةخلفاء الراشدين المهديين من بعدي) yang bererti lazim olehmu dengan sunnah aku dan sunnah Khulafa al-Rasyidin yang menunjukkan mereka itu akan umat kemudian daripada aku – “Riwayat Tarmidhi, Hasan Sahih”

Menolak Keterangan yang Berlawan

Adapun pegangan orang yang mengata bahawa menyebut *Sayyidina* itu *bid'ah dhalalah* iaitu –

رواه البخارى ومسلم فى صحيحهما عن بشير ابن سعد قال: يا رسول الله ان الله فرض علينا ان نصلى عليك فكيف
نصلى عليك فقال: قولوا اللهم صل على محمد ”

Yang bererti: Bahawa Bashir yang anak Saad berkata:”Ya Rasullullah bahwasanya Allah Ta'ala telah memfardhu atas kami berselawat maka betapa *kifayah* kami hendak berselawat atas engkau – bersabda nabi,” kata olehmu : ”اللهم صل على محمد” Dan Hadith: ”لا شيدوني في الصلاة“

Yang bererti: “Jangan kamu berkata *Sayyidina* ketika menyebut nama ku di dalam sembahyang.” Maka Hadith yang pertama itu menunjuk akan *kifayah* berselawat atas Nabi jua dan bukan Nabi menegah daripada berkata *Sayyidina* itu.

Dan Hadith yang kedua itu *maudhu'*tidak berasal daripada Rasullullah s.a.w maka tidak boleh berpegang dengannya.

Masalah Puasa Ramadan

Hukumnya:

Berpuasa pada bulan Ramadan hukumnya wajib dengan melihat anak bulan.

Dalilnya:

Sabda Rasullullah s.a.w, "إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَافْطُرُوْا فَإِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَاقْدِرُوا لَهُ" riwayat Bukhari dan Muslim.

Ertinya: "Apabila kamu melihat anak bulan Ramadan hendaklah kamu berpuasa dan apabila kamu lihat akan anak bulan Syawal hendaklah kamu berbuka puasa (berhari raya) dan jika cuaca tidak baik menegahkan daripada kelihatan anak bulan maka hendaklah disempurnakan Sha'ban tiga puluh hari. Demikian juga firman Allah s.w.t "فِنْ شَهْدَ مِنْكُمُ الشَّهْرُ فَلِيَصْمِمُهُ" yang bererti; barangsiapa melihat bulan wajiblah ia berpuasa. Demikian disebutkan di dalam *Khazin* tentang makna *Shahida* itu.

Keterangan

Dengan Hadith yang tersebut nyatakan bahawa wajibnya berpuasa Ramadan itu semata-mata apabila melihat bulan. Dan jika tidak kelihatan anak bulan hendaklah disempurnakan Sha'ban tiga puluh hari.

Menolak Keterangan

Ada pendapat mengatakan bahawa wajib berpuasa menurut *hisab* itu ialah boleh berpuasa dengan berpegang kepada pendapat *ahli hisab* dan orang-orang ini mendakwa dengan bersandarkan dalil itu, sabda Rasullullah s.a.w (فَاقْدِرُوا لَهُ) yang diertikan oleh mereka (hendaklah dikira akan perjalanan bulan itu dengan *hisab*. Dan ini adalah pendapat Mutribbin Abdullah, Ibn Suraih dan Qutaiba tetapi jumhur ulama' menyatakan pendapat *Mutrib* yang bersandarkan Hadith itu adalah pendapat yang *daif* kerana Hadith Ibnu 'Abbas yang berbunyi, "فَإِنْ غَمَ عَلَيْكُمْ فَاكْمِلُوا الْعَدْةَ ثَلَاثَةً" yang bererti jika tidak kelihatan anak bulan dengan sebab mega itu cuaca tidak baik hendaklah kamu sempurnakan bilangan Sha'ban tiga puluh hari. Maka perkataan "فَاقْدِرُوا لَهُ" yang tersebut di dalam Hadith yang di atas tadi adalah *Mujmal* dan Hadith Ibnu 'Abbas ini adalah mentafsirkan makna yang *Majmal* itu, sedang ulama'-ulama' *usul*/tidaklah ada perselisihan di antara mereka tentang wajibnya menanggungkan perkataan yang *Mujmal* itu ke atas perkataan yang *Mufassar*.

Penyeru-penyeru kepada berpuasa dengan *hisab* adalah mereka juga bersandarkan kepada dalil ayat Qur'an yang berbunyi "وَقَرَرَهُ مَنَازِلٌ لِتَطَمَّلُوا عَدْدَ السَّنَنِ وَالْحِسَابِ". Jika kita katakan bahawa ayat ini tiadalah sekali-kali boleh dijadikan dalil bagi masalah ini kerana yang disebutkan oleh Allah s.w.t ia menjadikan *manzil* bagi bulan itu untuk diketahuikan perhitungan masa, tidaklah menentukan yang demikian itu kepada perhitungan bagi berpuasa kerana masalah puasa ini

Masalah Berdiri Tatkala Marhaban

Hukumnya: sunat

Dalilnya : Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Fath: "إِنَّا أَنْذَلْنَا شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا" ertinya; "kami telah mengutus engkau Ya Muhammad sebagai seorang saksi atas umat engkau, dan juga sebagai seorang yang mengembirakan mereka" dengan perkhabaran yang baik dan menakutkan mereka dengan balasan-balasan seksa, supaya mereka beriman kepada Allah dan RasulNya dan supaya mereka menyukainya akan dia serta menghormati dan membesar akan dia.

Keterangan

Allah s.w.t memerintahkan supaya membaskan Rasullullah s.a.w dan memuliakan baginda di dalam Qur'an Al-Karim, maka nyatakan perbuatan itu mempunyai asal iaitu dalil daripadanya, dan jauh sekali perbuatan daripada *bid'ah Dhalalah* sebagaimana yang didakwakan. Cara membesar serta menghormati Rasullullah s.a.w itu adalah yang mana setengahnya ada disebutkan di dalam al-Qur'an al-Karim dan setengahnya daripada perbuatan-perbuatan sahabat yang telah diiktiraf oleh Rasullullah s.a.w.

Dan adapun cara menghormati dengan berdiri ini telahpun dilakukan oleh Sayyidatina Fatimah anakanda Rasullullah s.a.w tatkala dia menyambut kedatangan Rasullullah s.a.w ke rumahnya sebagaimana yang tersebut kisahnya di dalam Hadith-Hadith yang sahih. Bahkan Rasullullah s.a.w juga pernah melakukan perbuatan berdiri ini tatkala baginda menyambut kedatangan anaknya Sayyidatina Fatimah. Kata Imam Nawawi di dalam *sahih Muslim*, adapun berdiri kerana menghormati seseorang yang masuk ke dalam sesuatu majlis sekiranya seseorang itu adalah daripada *ahl al-Fadl wa al-Khair* (iaitu orang-orang yang berkelebihan tetapi bukan berkelebihan di dalam perkara dunia)sesungguhnya telah datang beberapa Hadith menyatakan perbuatan itu dan sepakat ulama'-ulama' *salaf* dan menyatakan sunnahnya, sedang Rasullullah s.a.w pernah menyuruhkan sahabat-sahabatnya berdiri menghormati ketua mereka dengan sabdanya "قَوْمًا إِلَى سَيِّدِكُمْ" riwayat Hadith Abu Daud.

Maka dengan segala keterangan tersebut itu nyatakan bahwasanya "berdiri" itu satu perbuatan yang menunjukkan penghormatan kepada seseorang dan perbuatan itu mempunyai asal yang kuat dari sudut syara'.

Jika ada orang berkata bahawa segala keterangan ayat itu adalah menunjukkan penghormatan terhadap diri seseorang yang hidup, bukan kepada seseorang yang telah mati tatkala membacakan riwayat-riwayat hidupnya dan juga tatkala memuji akan dia sebagaimana yang dilakukan pada *marhaban* itu maka kita menjawab; "kepada orang-orang yang beriman tiadalah perbezaannya penghormatan itu mesti diberikan kepada Rasullullah s.a.w sama ada ketika hayatnya atau setelah wafatnya. Maka kita takuti seseorang yang membezakan yang demikian itu akan terkeluar ia daripada agama Islam. Sebagaimana satu mazhab yang

mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w itu apabila wafat gugurlah daripadanya martabat nabinya itu dan kata mereka itu *wal 'ayadhubillah* bahawa sebatang tongkat itu terlebih berfaedah kepada seseorang daripada Muhammad setelah wafatnya. Berlindunglah dengan Allah daripada *i'tiqad* dan fahaman yang demikian terhadap Rasullullah s.a.w.

Menolak Keterangan yang Berlawanan

Kita menolak sebarang perkataan yang bermaksud melarang perbuatan berdiri tatkala *marhaban* yang didatangkan oleh sesiapa sahaja, berdasarkan hujah-hujah yang telah kita kemukakan itu dan sebenarnya tidak ada suatu dalil pun yang menyokong larangan tersebut. Ada pun Hadith; "لَا تَقُومُوا كَمَا يَقُومُ الْأَعْجَمُ" yang bererti; "jangan kamu memberi hormat dengan berdiri sebagaimana perbuatan orang-orang 'ajam" bermaksud perbuatan yang ditegah di sini adalah berdiri seperti perbuatan orang-orang 'ajam iaitu mereka berdiri menghormati raja-raja mereka dan pembesar-pembesar mereka sedang raja-raja dan pembesar-pembesar itu duduk di tempat-tempat duduk mereka. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasullullah s.a.w di dalam Hadith Muslim; "إِنْ كُدْتُمْ لِتَقْعُلُونَ فَعُلْ فَارسٌ وَالرُّومُ يَقُولُونَ عَلَى مُلُوكِهِمْ وَهُمْ قَعُودٌ فَلَا تَقْعُلُوْا" ertinya "nyaris-nyaris sebentar tadi, kamu berbuat seperti perbuatan orang-orang Farsi dan orang-orang Rom mereka itu menghormati akan raja-raja mereka dengan berdiri akan halnya raja-raja mereka duduk maka janganlah kamu berbuat begitu."

Masalah: Berhutang atau Memberi Hutang

Hukumnya sunat, kerana tindakan itu melapangkan kesusahan seseorang dan ia sangat dituntut oleh syara'.

Dalilnya:

Hadith Muslim; "من نفس عن أخيه كرامة من كرب الدنيا، نفس الله عنه كرامة من كرب يوم القيمة" ertinya "Barangsiapa melapangkan sesuatu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan yang mengenai saudaranya, nescaya dilapangkan dia oleh Allah s.w.t daripada kesusahan hari kiamat." Dan tersebut di dalam Hadith yang Sahih yang berbunyi:

"من أفرض الله مرتين كان له مثل أجر احدهما لو تصدق به"

ERTINYA: "Barangsiapa memberi hutang kerana Allah dua kali maka baginya seperti pahala satu sedekah yang disedekahkan."

Keterangan

Hakikat hutang ialah meminjamkan sesuatu kepada seseorang dengan syarat ia mengembalikan sepertinya, yakni dikembalikan seperti jenis yang dihutangnya itu, sebanyak itu juga, dan tiada harus diberi dan diterima akan pemberian yang lebih yang disyaratkan, kerana yang demikian itu ialah riba yang telah diharamkan dengan nas al-Qur'an al-Karim :

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكِلُوا الرِّبَا أَضْعافًا"

Ertinya: wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan riba (bunga) yang berlipat ganda. Dan sabda Rasullullah s.a.w :

"لَعْنَ اللَّهِ أَكْلُ الرِّبَا وَمَالِكُهُ وَشَاهِدُهُ وَكَاتِبُهُ"

Ertinya: Allah mengutuk sesiapa yang memakan riba dan sesiapa yang memberinya dan saksinya dan jugatulisnya.

Menolak Keterangan yang Berlawan:

Ada orang mengatakan bahawa sesuatu pemberian yang diberi melebihi kadar yang dihutangnya itu, harus dibayar dan diterima. Sekiranya lebihan itu tidaklah sampai berlipat ganda, misalnya satu persen hingga lima persen. Kata mereka kerana ayat yang tersebut menyatakan bahawa riba yang tertegah itu ialah riba yang berlipat ganda. Perkataan ini nyatalah terbit daripada golongan yang tidak mendalmi hukum-hukum fiqh dan *usul*/nya; kerana tersebut di dalam bahasan *usul al-fiqh* bahas yang datang di dalam Qur'an dan Hadith seperti حرج مخرج الغائب "اضعافاً مضاعفة" itu adalah dikatakan : yakni perkataan itu hanya menceritakan ghalib kejadian yang berlaku di zaman itu. Dan tiap-tiap *lafaz* sedemikian adalah *mafhum* diamal dan diberi akan dia, maka tiadalah boleh dikatakan bahawa riba itu harus diambil dan diberi akan dia jika hanya satu atau dua persen sahaja. Bandingannya adalah seperti ayat "وربائكم اللاتي في حجوركم" iaitu Tuhan menyatakan hukumnya anak-anak tiri yang di dalam ribaan kamu yakni pemeliharaan kamu itu adalah diharamkan bernikah dengannya, maka bukanlah *mafhumnya* anak-anak tiri yang bukan di dalam pemeliharaan kamu itu diharuskan bernikah dengannya kerana tiap-tiap anak tiri itu, sama ada dipelihara atau tidak adalah diharamkan bernikah dengannya menurut syara'.

Masalah: Talqin Mayat yang baligh selepas ditanam

Hukum: bahawasanya *talqin* mayat itu hukumnya sunat bukannya *bid'ah Dhalalah*

Dalil: 1- "وَذَكْرُ فَانِ الْذَّكْرِي تَنْفُعُ الْمُؤْمِنِينَ"

Yang bererti : beringat-ingat olehmu maka bahwasanya beringat-ingat itu berguna kepada orang yang mukmin.

2- Hadith yg diriwayat oleh Tabrani, *Fil al-Kabir Marfu'* daripada Abi Imamah sabda Nabi s.a.w :

"اذا مات احد من اخوانكم فسوينتم التراب على قبره فليقم احدهم على رأس قبره ثم ليقل يا فلان ابن فلانة فانه يسمعه والايحىب" اذا ان قال "فليقل اذكر ما خرجت عليه من الدنيا شهادة ان لا اله الا الله وان محمدًا عبده رسوله الى آخره

Yang bererti: Apabila mati seorang daripada saudara kamu maka kamu ratakan tanah di atas kuburnya maka hendaklah berkata ia; "hai polan anak polan maka bahwasanya ia mendengar akan dia dan tiada ia jawab..... hingga berkata ia – maka hendaklah ia berkata – ingat olehmu barang yang engkau keluar atasnya daripada dunia iaitu syahadat ان لا اله الا الله وان محمدًا عبده hingga akhir Hadith. *Athar* yang diriwayat oleh Said Bin Mansur daripada Rasyid bin Said اذا اسوى على الميت قبره وانصرف الناس عنه كانوا يستحبون ان يقال للميت عند قبره يا فلان ابن فلانه قل لا اله الا الله ثلاث مرات. قل ربى الله وديني الاسلام ونبي محمد (ص)....." الى آخره

Riwayat Said dalam Sunannya

yang bererti : Apabila diratakan atas mayat akan kuburnya dan berpaling manusia daripadanya adalah mensunat mereka bahawa di kata bagi mayat di sisi kuburnya; "hai polan anak polan kata olehmu لا اله الا الله tiga kali; kata olehmu Tuhanku Allah, Agama ku Islam, Nabi ku Muhammad s.a.w".....hingga akhirnya.

اقوال العلماً "ويستحب تلقين بالغ عاقل او مجنون سبق له تكليف"

yang bererti : Dan disunat *talqin* orang yang baligh lagi berakal itu orang yang gila yang terdahulu oleh *taklif*. Telah berkata akan dia Imam Nawawi di dalam *Raudahdan Sheikh al-Islam* di dalam *Asna al-Matalib* dan *Fath al-Wahab* dan 'Allamah Ibn Hajardi dalam "Tuhfah" dan *Fath al-Wujud* dan Sheikh Ramli di dalam *Nihayah* dan *Allamah al-Khatibdi* dalam makna dan beberapa ulama'-ulama' yang lain daripada mereka itu seperti Kadi Hussin dan Ibn Salah.

Keterangan

Dengan segala nas yang tersebut itu nyatalah bahawa *talqin* mayat selepas ditanam itu adalah sunat yang ada usulnya di dalam Qur'an, Hadith dan *Athar* daripada sahabat dan perkataan ulama' r.a. Adapun firman Allah Ta'alaa, "وَذَكْرُ فَانِ الْذَّكْرِي تَنْفُعُ الْمُؤْمِنِينَ" maka ayat ini adalah umum ditujukan kepada sekalian orang yang beriman sama ada hidup atau mati. Dan seseorang yang sangat berhajat kepada peringatan itu ialah di masa ia di dalam kubur. Adapun Hadith Ibn

Imamah yang diriwayat oleh Tabrani sungguhpun *daif* akan tetapi tanya disokong oleh beberapa *syahid* daripada Hadith yang lain seperti Hadith riwayat Abu Dawud. Yang bererti, pinta olehmu baginya akan ketetapan maka bahwasanya ia sekarang sedang di tanya akan dia. Demikianlah tersebut di dalam *majmu'* dan Hadith Ibn Abbas yang diriwayat oleh *Dar al-Qutni* di dalam *Sunnanya* – dan wasiat Umar ibn al-'As yang diriwayat oleh Muslim dan'amal Ahli Sham. Lagi pula adalah talqin ini setengah daripada Fada'il yang memadai sabitakan dia dengan Hadith yang *daif* juga.

Menolak Keterangan Yang Berlawan

Sesungguhnya orang yang mengatakan *talqin* itu *bid'ah* adalah di kalangan mereka yang mengambil dalil daripada firman Allah Ta'alaa, "وَان لَيْسَ لِلنَّاسِ إِلَّا مَا يَشَاءُ" yang bererti; "dan bahwasanya tiada manfaat bagi manusia itu melainkan apa yang diamalkan ia di dunia". Telah berkata Ibn Abbas r.a bahwasanya hukum itu berlaku pada syari'at Ibrahim dan Musa dan dinasakhkan pada syari'at Nabi kita Muhammad s.a.w dengan firmanNya "وَالْحَقَّ بِهِمْ ذَرِيْتُهُمْ" yang bererti; "dan kami menghubungkan dengan mereka itu dengan anak cucu mereka itu." Demikian juga berkata Akramah dan ditambah lagi "Adapun umat ini maka bagi mereka itu apa yang mereka amalkan dengan sendirinya dan apa yang diamalkan bagi mereka itu oleh orang lain, kerana apa yang diriwayat oleh Bukhari dan Muslim bahwasanya seorang perempuan telah mengangkat kepada Nabi seorang kanak-kanak lelaki baginya dan berkata "Ya Rasullullah adakah bagi kanak-kanak ini mengerja haji?" Bersabda Nabi "bahkan! Dan bagi engkau pahalanya."

Adapun firman Allah Ta'alaa; "وَمَا أَنْتَ بِمُسْمِعٍ مِّنْ فِي الْقُبُورِ" yang bererti; "dan tiada engkau dapat memperdengar akan orang yang di dalam kubur". Dan firmanNya "إِنَّكَ لَا تَسْمَعُ الْمُوْتَى" yang bererti; "Bahwasanya engkau tiada dapat memperdengar orang yang mati." Maka ayat ini diturunkan kepada orang yang kafir yang tidak menerima petunjuk dengan seruan Nabi maka Tuhan serupakan mereka dengan orang yang mati. Bukan dikehendaki di sini mayat yang di dalam kubur, kerana mayat adalah sabit pendengaran mereka kerana Nabi telah menyeru segala kafir Quraisy yang telah terbunuh pada Perang Badar kemudian daripada di campak mereka ke dalam satu telaga dengan katanya; "يَا فَلَانَ ابْنَ فَلَانَ – إِلَى قَوْلِهِ فَهُلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدْ رَبُّکُمْ حَقًّا" (Riwayat Bukhari)

yang bererti; "Hai polan anak polan hingga katanya; "adakah kamu dapat barang yang telah berjanji akan kamu oleh Tuhan kamu?" Dan sabdanya kepada Sayyidina Umar ما انت بمسمع لما اقول" منهم, yang bererti; "tidak kamu itu terlebih mendengar daripada mereka itu bagi barang yang aku berkata" Dan sabdanya; "وَانَّه لَيْسَ مَعَ قَرْعَ نَعَالِمَ" yang bererti; "dan bahwasanya ia mayat di dalam kubur sesungguhnya mendengar akan bunyi kasut sahabatnya." Riwayat Bukhari dan

juga Nabi menyuruh kita memberi salam kepada orang yang mati dengan sabdanya ;

" ما من رجل يمر بغير الرجل كان يعرفه في الدنيا فيسلم الارض الله عليه رواحه حتى يرد عليه السلام "

yang bererti: Tiada melalui seorang laki-laki dengan kubur seseorang laki-laki yang ia kenal akan dia di dalam dunia maka memberi salam ia melainkan Allah Ta'ala kembali kepadanya akan rohnya hingga menjawab ia akan salam.

Kitab Hady al-Rasul

Masalah: Berkennaan Kitab Hady al-Rasul

Hukumnya : kitab *Hady al-Rasul* ini tak boleh (*i'timadkan*) oleh orang awam
Ertinya: Tak boleh berpegang dengan dia kerana beramal itu kerana mendirikan hajat atas satu-satu hukum.

Dalilnya :

" قال ابن الصلاح لا يجوز لأحدأخذ حديث من كتاب معتمد لعمل أو احتجاج إلا بعد مقابلته على أصول متعددة "

Yang bererti: Telah berkata Ibn al-Salah. Tidak harus bagi seseorang mengambil Hadith daripada sebuah kitab yang muktamad sama ada kerana hendak beramal dengannya atau hendak mendirikan hajat di atas satu-satu hukum melainkan kemudian dihalang atas beberapa asal yang berbilang-bilang. Dan berkata Sheikh Ibn Hajar;

"اما اعتماد فى رواية الاحاديث على مجرد رؤيتها فى كتاب ليس مؤلفه من اهل الحديث فلا يحل ذلك"

yang bererti: Adapun mereka yang berpegang pada riwayat Hadith semata-mata akan merujuk di dalam kitab-kitab di mana pengarangnya bukan daripada kalangan ahli Hadith yang Muktabar ini tidak sepatutnya berlaku. Dan telah berkata Al Hafiz Ibn Hajar al-Asybil al-Maliki –

"انفق العلماء على انه لا يصح المسلم ان يقول قال النبي صلى الله عليه وسلم كذا او فعل كذا حتى يكون عنده ذلك القول مرويا"

yang bererti : Telah semua ulama' fiqh atas bahwasanya tiada sah bagi seseorang Islam bahawa berkata ia. Telah bersabda Nabi begini-begini atau telah perbuat oleh Nabi begini-begini hingga adalah demikian perkataan itu pada sisinya diriwayat akan dia dengan jelasnya al-fatwa al-Hadith m.s 32- 65-66 dan sebabnya yang demikian itu adalah kerana ulama' amat menghalusi dan cermat dalam mengeluarkan satu-satu Hadith kerana mereka takut termasuk di dalam persabdaan junjungan kita Muhammad s.a.w; "من كذب على معتمدا فاللقاء مقعده من النار"

yang bererti; Barangsiapa sengaja berbuat dusta atas ku maka hendaklah dia menyediakan tempatnya di dalam neraka. Riwayat Bukhari Muslim dan firman Allah Ta'ala; "ولا تقف ماليس لك به" yang bererti; Dan jangan engkau ikut barang yang engkau tidak mengetahui.

Keterangan

Difaham daripada perkataan Sheikh Ibn al-Salah bahawa tidak harus bagi seseorang yang beramal itu berhujah dengan satu Hadith sebelum dihalusi dan dilintangi akan dia atas beberapa usul yang baik supaya dapat dihakiki akan martabat-martabat Hadith itu. Maka sudah tentu bahawa usaha menghalusi dan melintangi akan Hadith itu tidak boleh dilakukan oleh sebarang orang. Bahkan itu adalah pekerjaan ulama' yang muktabar.

Demikian lagi perkataan Sheikh Ibn Hajar itu menunjuk bahawa tiada halal seorang itu meriwayat Hadith hanya semata-mata ia terdapat di dalam satu kitab di mana pengarangnya itu bukan seorang yang diakui sebagai sebahagian daripada ahli Hadith yang muktabar. Dan begitu juga perkataan al-Hafiz al-Asybili itu menunjuk bahawa tiada sah bagi seorang Islam berdasarkan satu perkataan atau satu perbuatan kepada Nabi bulat-bulat dengan tidak diriwayat akan dia maka kebanyakan Hadith yang tersebut di dalam kitab *Hady al-Rasul* itu tidak disebut rawinya dan tempat ambilannya daripada kitab-kitab hadith yang muktabar, sekalipun setengah-setengah itu disebut juga dengan terang, manakala pengarangnya itu bukanlah seorang yang masyhur dan diakui oleh satu perhimpunan ulama' yang muktabar, lagi pula perkara-perkara yang disebut di dalam kitab itu tidak ada kenyataan hukumnya sama ada wajib atau sunat, haram atau makruh. Bahkan disebut sebagai menceritakan hal keadaan Nabi jua, maka adakah dapat kita faham bahawa sekalian yang dilakukan oleh Nabi itu kesemuanya wajib dan semua yang ditinggalkan oleh Nabi itu kesemuanya haram, tentu tidak boleh difaham begitu. Maka bagaimanakah pula orang awam hendak menentukan hukum-hukum itu dengan sendirinya. Selain daripada itu kita dapati pula lebih daripada lima belas masalah yang bertentangan daripada yang sudah *ma'ruf* di dalam kitab-kitab fiqh yang muktabar. Seperti masalah-masalah tayammum dan perkara yang membatalkan sembahyang, berbuka puasa, *masafat al-Qasr* dan lain-lainnya yang boleh jadi mengelirukan orang ramai.

Menolak Keterangan Yang Berlawan

Jangan tuan terpedaya dengan mereka yang berpegang dengan kitab *Hady al-Rasul*. Dan mereka berkata kerana tidak boleh di *i'timadkan*. Ini adalah kerana kitab *Hady al-Rasul* itu diikhtisardaripada *Zad al-ma'adkarangan* Ibn al-Qayyim al-Juziyyah. Maka kita berkata : Bahawa Ibn al-Qayyim itu daripada ulama' kurun yang ke lapan, anak murid kepada Ibn Taimiyah. Ianya telah ditolak oleh ulama' yang sama dengannya hingga sekarang, kerana banyak masalahnya daripada *ijma'*. Pada hal Nabi s.a.w bersabda; "ان الله لا يجمع امني على ضلاله ويد" – رواه الترمذى الله مع الجماعة ومن شذ شذ فى النار yang berertibahwasanya Allah Ta'ala tiada menghimpun akan umatku atas kesesatan, dan pertolongan Allah itu beserta perhimpunan,

barangsiapa yang keluar daripada perhimpunan, keluarnya itu kepada neraka. Riwayat Tarmizi daripada Ibn Umar, lagi pula bagaimanakah tuan-tuan hendak mengikut Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qayyim, sedangkan imam yang empat lagi tuan-tuan tak mau mengikut dan tuan-tuan berkata mereka bukan orang *ma'sum*, padahal imam yang empat itu berada di masa yang telah di saksi oleh Nabi dengan baiknya. Iaitu sabdanya:

"**خَيْرُ الْقَرْوَنِ قَرْنَى ثُمَّ الثَّالِثَ ثُمَّ يَجِيَ الْفَوَّارِمُ لَا خَيْرٌ فِيهِمْ**"

(Riwayat Tabrani daripada Ibn Mas'ud)

yang bererti; sebaik kurun itu kurun aku, kemudian kurun yang kedua, kemudian kurun yang ketiga, kemudian datang oleh beberapa kaum yang tiada kebajikan pada mereka itu, maka yang pertama itu kurun Nabi, dan yang kedua itu kurun sahabat, dan yang ketiga itu kurun tabi'in. Maka di dalam kurun inilah terjadinya mazhab yang empat. Adapun Ibn al-Qayyim dan Ibn Taimiyah maka mereka daripada kurun yang ke lapan yang termasuk di dalam masa yang Nabi berkata "La Khair Fihim" ertinya; Tiada kebajikan pada mereka itu, dan jika tuan-tuan berkata; sekiranya tak boleh diikuti Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qayyim kerana mereka daripada mutakhir, maka Ibn Hajar dan Ramli dan seumpamanya pun tak boleh diikuti juga, maka kami berkata bahawa Ibnu Hajar dan Ramli dan seumpamanya mereka ini berjalan di atas jalan imamnya dan mereka tiada menyalahi daripada *ijma'* dan tidak ada perhimpunan ulama' yang menolak akan mereka.

Masalah Bertaqlid

Taqlid; Ertinya menerima perkataan orang lain dengan tidak berdalil

Keterangan:

Maksud (orang lain) itu ialah orang alim yang luas pengalaman dalam bidang hukum syari'at (hukum-hukum agama) sama ada alim iaitu *sufi*, pengetahuannya kepada *martabat mujtahid* ataupun tidak *sufi* kepada *martabat* itu. Jelasnya bahawa orang awam (orang kebanyakan) yakni golongan yang tidak mengetahui cara-cara mengambil dalil atas satu persatunya hukum syari'at, seterusnya apa dia hukum syari'at itu maka wajiblah atasnya bertaqlid, ertinya; wajib bertanya, wajib menerima fatwa (minta fatwa) dan beramal sebagaimana yang diwajib atau difatwa oleh (orang lain) yang tersebut tadi.

Dalil-dalil wajib bertaqlid:

1- Firman Allah Ta'ala; "**فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ أَنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ**"

Maksudnya: Wahai orang awam tanyalah kepada alim ulama' yang ada di sisinya jika kamu tidak mengetahui

Keterangan:

Bahaha yang bertanya itu kerana kejihilannya, disuruh bertanya dari apa yang ia tidak ketahui, maka suruhan di sini ialah suruhan wajib.

Ijma' segala sahabat Rasullullah s.a.w ertinya; bersatu kata mereka bahwasanya mereka itu telahpun memberi fatwa kepada orang awam berbagai fatwa berkenaan hukum-hukum agama, tetapi mereka tidak menyuruh orang awam itu belajar atau menuntut sehingga mendapat *martabat mujtahid* atau *martabat* alim ulama', yang demikian adalah terbukti dari ulama'-ulama' mereka sendiri dan juga dari orang-orang awam mereka.

Ijma' segala ulama' bahwasanya orang awam sememangnya *ditaklif*, ertinya disuruh dengan keras membuat ibadah seperti sembahyang, puasa, dan lain-lain, juga disuruh bermuamalah seperti berjual beli, nikah kahwin dan lain-lain lagi. Sungguhpun begitu sekiranya kalau dipaksa mereka (awam) mempelajari sedalam-dalam atau setinggi-tinggi akan hal ehwal dan selok belok keagamaan sehingga kesemuanya menjadi *mujtahid*, ataupun alim ulama', tentulah tergendala segala pekerjaan, pertukangan dan pencarian buat sara hidup masing-masing, bahkan membawa kepada rabun atau runtuh dunia ini sama sekali manakala manusia hanya bimbang akan sibuk mengejar pangkat-pangkat tersebut, yang demikian adalah mustahil. Oleh itu manakala sudah jadi mustahil maka tak ada lagi yang tinggal hanya wajib bertanya alim ulama' *wallahu alam*.

Tuan-tuan pembaca yang terhormat..

Tuan-tuan harus diingatkan bahawa sesungguhnya zaman sekarang zaman cakap sedikit bekerja dalam setiap lapangan termasuk di lapangan agama. Dengan sebab itu maka awaslah (jagalah) tuan-tuan jangan terkena tipu atau terpedaya oleh macam-macam propaganda yang terbitnya daripada pendakyah-pendakyah palsu yang berada di sekeliling tuan-tuan, sungguhpun pendakyah-pendakyah itu pada bila-bila masa amat gemar memujuk, merayu dan mengejek tuan-tuan supaya tertarik hati tuan-tuan kepada apa yang dipropaganda oleh mereka, kerana barangkali dengan sebab kurang teliti tuan-tuan dalam berfikir maka haruslah tuan-tuan mudah terpengaruh dan terus menyokong perjalanan buruk mereka itu, tetapi malangnya siapakah yang tahu buruk-baiknya?

Jawabnya: Buat kata pepatah, "yang kenal permata itu hanya jauhari sahaja". Oleh tu janganlah dengan mudah tuan-tuan terburu-buru menyerah diri seterusnya mencampakkan diri tuan-tuan ke dalam lubang yang cemar dan kotor itu yang mana keadaan yang cemar dan kotor itupun tak ada siapa yang nampak hanya '*arif* juga. Sebab itu sewajibnya hendaklah tuan-tuan selidik dengan teliti sebelum tuan-tuan menerima pujuk rayu mereka (pendakyah-pendakyah) tadi, umpamanya : Siapa dia polan bin polan itu? Dari mana dia belajar? Bagaimana sambutan orang ramai terhadap dirinya? Adakah dia dirahmati oleh orang yang muktabar (terkenal)? Dan apakah jasanya? Adakah dia membuat jasa atau jasa mencari dia?

Kemudian kita rasa sangat mustahak menerangkan serba ringkas apakah yang selalu mereka seru ditempat-tempat perhimpunan ramai; Di antaranya bahawa mereka amat bersungguh-sungguh menarik perhatian orang awam berkenaan masalah *taqlid*, yang mana selain daripada mereka telah memburukkan masalah itu mereka tegaskan bahawa bertaqlid adalah ditegah! Tetapi entah bagaimana corak dan cara-cara *taqlid* itu tidak mereka terangkan, walhalnya patut sangat diterangkan umpamanya; Adakah yang bertaqlid itu orang awam atau orang alim? Kemudian orang alim yang bagaimana yang tak boleh bertaqlid? Adakah alim yang hanya tahu sedikit-sedikit bahasa Arab sahaja sudah boleh jadi mujtahid? Dan siapakah yang akan ditaqlidkan? Pendeknya adakah sebarang orang ditegah daripada bertaqlid? Dan adakah sebarang orang boleh ditaqlidkan?

Sebetulnya bertaqlid bukanlah satu corak dan bukanlah satu rupa, oleh sebab itu ia menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai, sungguhnya *taqlid* sebagaimana yang dikehendaki oleh pendakyah-pendakyah palsu itu ialah semata-mata bererti mengikut dan turut dengan membabi buta sahaja.

Sebenarnya perkara *taqlid* adalah perkara kecil saja, kerana *taqlid* tidak dikehendaki berlafaz, tidak dikehendaki berniat bahkan apabila terasa oleh seseorang bahawa amalannya itu bertetapan dengan amalan seseorang yang diikutnya itu sudahlah menempati ianya bertaqlid akan orang ikutannya tadi, misalnya seorang awam bahwasanya ia tidak tahu dalil daripada Qur'an, Hadith atau *Qiyās* dan *Ijmā'* yang menunjukkan batal *wudu'* sebab bersentuh dengan isteri umpamanya, hanya yang dia tahu ialah ketika belajar di sekolah agama ada disebut dalam kitab-kitab fiqah mazhab Imam Shaf'i mengatakan bersentuh isteri batal *wudu'*, oleh yang demikian orang awam tadi dikatakan bertaqlid akan mazhab Imam Shaf'i, Wallahu A'lam.

Apakah Akibat Sekiranya Ditegah Bertaqlid?

Sesungguhnya mengagung-agungkan perkara tegah *taqlid* akan mendatangkan bahaya kepada agama suci. Di sinilah punca pemeluk-pemeluk agama Islam melanggar batasan yang telah

dibataskan ulama' *al-Akramun* zaman berzaman lebih seribu tahun, mengapa tidaknya? Ini kerana apabila *taqlid* dinafikan maka tak dapat tidaklah dikehendaki berijtihad cara bersendirian. Yang demikian tuan-tuan pembaca yang terhormat sedia maklum.

Masalah mengadap kiblat di dalam sembahyang

Hukumnya: mengadap kiblat itu adalah syarat sah sembahyang orang yang mampu.

Dalilnya:

(1) Firman Allah Ta'alā di dalam surah Al Baqarah ayat 143:

"فَوْلَ وَجْهَكُ شَطَرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ"

Yang bererti; maka hadapkan olehmu muka engkau berbetulan Masjidil al-Haram, yakni (Al Kaabah) seperti yang zahir pada kebanyakan riwayat.

(2) Hadith yang telah diriwayat oleh Bukhari dan Muslim bahwasanya Nabi s.a.w bersabda ia kepada khallad anak Rafi':

"إِذَا قَمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَاسْبِغْ الْوَضُوءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ"

Yang bererti; Apabila berdiri engkau kepada sembahyang maka sempurnakan olehmu akan *wudu'* kemudian mengadap olehmu akan kiblat.

Keterangan

Difaham daripada firman Allah Ta'alā dan Hadith yang tersebut itu menuntut supaya kita mengadap akan Kaabah pada tiap-tiap kali kita bersembahyang. Ini disebut di dalam *Syarah al-Raudah* katanya; Dan yang fardhu pada berhadap kiblat itu membetuli '*ainnya* dengan yakin pada tempat yang hampir dengannya dan dengan *zan* pada tempat yang jauh daripadanya seperti demikianlah zahir ibarat *Tafsir Al Munir Al Nuru Al Bintani*, katanya pada tafsir ayat yang tersebut itu, "استقبل عينها بصدرك في الصلاة وان كنت بعيداً عنها" yang bererti berhadap olehmu akan zat Kaabah dengan dada engkau di dalam sembahyang dan jika engkau itu di tempat yang jauh daripadanya sekalipun, maka di tafsirkan "*Satrān*" itu dengan makna "*Talaqān*" yakni berbetulan, dan tersebut di dalam *Hasyiyah bi Jairumi 'ala Iqna'* bahawa ada satu *qaul* pada mazhab Shaf'i memfardhukan berhadap Kaabah, telah menghikayat akan dia oleh Sheikh al-Islam di dalam *Syarah Bahjah*. Demikianlah yang zahir pada kebanyakan tafsir yang lain pada memaknakan "*Syatran*" itu dengan "*Nahwījāh*" yang bermakna pihak.

Masalah Kiblat**Menolak Keterangan Yang Berlawan**

Ada orang yang berpendapat bahawa kebanyakkan *mihrab-mihrab* masjid di dalam Malaysia ini tidak tepat mengadap Kaabah, oleh itu tidak sah kita bersembahyang semata-mata mengikut hala Maghribi itu dengan tidak berijtihad lebih dahulu. Maka tersebut di dalam *Mughni*, juzuk awal nombor 148; dan tiada harus ijihad pada segala Maghribi orang Islam dan Maghribi kebanyakkan tempat yang dilalui oleh mereka itu dan kampung-kampung mereka itu telah wujud sejak sekian lama berbanding orang Islam dan jika kecil atau sudah runtuh sekalipun, sekira-kira sejahtera daripada pajatan, kerana yang zahirnya bahwasanya Maghribi itu tidak didirikan melainkan dengan kehadiran dan perhimpunan daripada *ahl Al-Ma'rifat* yang mengetahui segala dalil-dalil kiblat. Maka yang demikian itu menempatikhabaran orang yang mengetahui kiblat dengan sendirinya, melainkan ke kanan sedikit atau ke kiri sedikit maka iaitu harus juga kerana tidak jauh boleh berlaku kesilapan pada keduanya. Bersalahannya pada pihak, maka iaitu tiada harus ijihad padanya, dan tiada harus ijihad pada *mihrab* Nabi Muhammad s.a.w. Dan tersebut di dalam *Fatwa al-Sayuti* bahawa dikehendaki dengankuam itu perhimpunan orang yang banyak orang yang sembahyang berhadap kepada Mahribi itu dan tidak kita dapat khabar mengatakan ada salah seorang daripada mereka itu memecatnya.

Maka difaham daripada keterangan yang tersebut itu boleh kita beri'*timad* di atas *mihrab* masjid-masjid yang ada di Malaysia ini kerana telah sempurna segala syarat-syaratnya, lebih-lebih lagi di sisi *qawl* yang mengatakan *memada* berhadap *jihat*, yakni pihak kaabah juga seperti yang dihikayat oleh Sheikh al-Islam di dalam *Syarh Bahjahitu*.

Masalah membaca *qunut* pada sembahyang subuh, *Witir* dan ketika turun *Bala'*

Hukumnya : bahawa membaca *qunut* itu hukumnya sunat bukannya *bida'ah dhallalah*.

Dalilnya ;

عن محمد ابن سيرين ان أنس ابن مالك سئل هل قنت رسول الله صلى الله عليه وسلم في صلاة الصبح . قال
نعم، فقيل له قبل الركوع او بعده؟ قال بعد الركوع

Yang bererti di tanya orang akan Anas bin Malik, Adakah membaca *qunut* oleh Rasullullah s.a.w pada sembahyang subuh? Berkata Anas, "bahkan ! yakni membaca ia". Maka ditanya lagi "sebelum ruku' atau kemudian daripadanya?" Berkata Anas, "kemudian daripada rukuk".

(2) Telah meriwayat akan dia oleh Nas'i;

روى الحاكم في المستدرك عن أبي هريرة رضي الله عنه قال، "كان رسول الله صلى الله عليه وسلم اذا رفع رأسه" (2) Hadith من الركوع من صلاة الصبح في الركعة

الثانية رفع بيده فيدعوا بهذا الدعاء: " اللهم اهدنی فیمن هدیت -الخ"

Yang bererti bahawa Abu Hurairah berkata ia; "Adalah Rasullullah s.a.w apabila mengangkat kepalanya daripada *ruku'* pada sembahyang Subuh pada rakaat yang kedua mengangkat ia akan dua tangannya, maka berdoa ia dengan ini doa; *اللهم اهدنی فیمن هدیت* hingga akhirnya".

و عن الحسن بن علي عليهما السلام قال : "علمى رسول الله صلى الله عليه السلام كلمات اقولهن فى (3)
"فَقَوْتُ الْوَتْرَ اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ -الخ" Riwayat Ahmad Abu Daud, Tarmidhi, Nasa'i dan Ibn Majah. Yang bererti bahawa Sayyidina Hasan bin Ali cucu Rasullullah s.a.w berkata ia; Telah mengajar akan daku Rasullullah s.a.w beberapa kalimah yang aku berkata akan dia pada *qunut witir*, *اللهم اهدنی فیمن هدیت*" hingga akhirnya"

روى عن انس رضي الله عنه ان رسول الله صلى الله عليه وسلم قلت " (4) Rawi An Anas r.a
شهر ا بعد الركوع على احياء من العرب ثم تركه" . (Mutafaq 'Alaih)

Yang bererti diriwayat daripada Anas Bin Malik r.a bahawasa Rasullullah s.a.w membaca *qunut* ia sebulan lamanya, kemudian daripada *ruku'* berdoa ia atas beberapa puak daripada orang Arab yang membunuh mereka itu akan sahabatnya, kemudian meninggal akan dia.

Keterangan

Maka Hadith yang pertama itu telah menunjuk dengan terangnya bahawa Nabi sendiri telah membaca *qunut* di dalam sembahyang Subuh hingga akhir hayatnya, seperti yang dinyatakan dalam riwayat yang lain. Daripada Anas juga berkata ia "Adapun pada sembahyang Subuh maka sentiasa ia (Nabi) membaca *qunut* hingga ia meninggal dunia". Dan Hadith yang kedua itu menunjuk akan lafaz *qunut* yang dibaca oleh Nabi itu. Dan Hadith yang ketiga menunjukkan *qunut witir* yang diajar oleh Nabi kepada cucunya yang sangat dikasihi iaitu Sayyidina Hasan Bin Ali r.a. Manakala hadith yang keempat itu menunjukkan *qunut* pada waktu turun *bala'*.

Menolak Keterangan yang Berlawan

Adapun dalil yang dipegang oleh orang yang menghukumkan *bid'ah* membaca *qunut* itu iaitu hadith yang diriwayat oleh Tarmizi daripada Abi Malik al-Ashja'i berkata ia;

"قلت لأبي يا ابتي انك قد صليت خلف رسول الله صلى الله عليه وسلم وأبى بكر وعثمان وعلى ابى طالب ههنا بالکوفة نحوها من خمس سنين أكانوا يفتون؟ فقال بنى انه محدث

bagi bapanya "hai bapa ku sungguhnya engkau telah sembahyang di belakang Rasullullah s.a.w dan Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali di masa ia berada di negeri Kufah selama lima tahun, adakah mereka itu membaca *qunut*?" Maka berkata bapanya; "hai anakku yang dikasihi adalah membaca *qunut* itu pekerjaan yang dibaharu". Berkata Abu Isa al-Tarmizi bahawa Hadith ini menunjukkan bahawa *qunut* itu berlaku di suatu masa dan ditinggal pada masa-masa yang lain, seperti demikianlah pekerjaan yang sunat. Selain itu riwayat orang yang mensabitkan *qunut* itu menunjuk atas bertambah pengetahuan mereka atas orang yang menafi akan dia serta mereka itu terlebih banyak bilangannya. Maka sudah tentu wajib didahului riwayat mereka daripada orang yang lain. Adapun hadis Ibn Mas'ud yang berbunyi ﴿مَا قُنِتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شَيْءٍ مِنْ صَلَاتِهِ﴾ Yang bererti tiada membaca *qunut* oleh Rasullullah s.a.w pada suatu daripada sembahyangnya. Maka Hadith ini sangat *daif* kerana ia daripada riwayat Muhammad bin Jabbar al-Sahmi dan dia itu bersanggatan *daif* lagi *matruk* yakni ditinggalkan Hadithnya. Demikian pula Hadith Ibn Abbas yang berbunyi ﴿الْقُنُوتُ فِي الصَّبَحِ بَدْعَةٌ﴾ Maka Hadith ini pun sangat *daif* kerana ia daripada Abi Laila al- Kufi iaitu *matruk al-Hadith*. Adapun Hadith Anas yang berkata; "kemudian meninggal ia (Nabi akan dia), maka yang dikehendaki di sini ialah meninggal akan doa dan laknat atas segala perkara yang membunuhkan sahabatnya, bukan meninggal akan *qunut* sama sekali kerana Sayyidina Anas juga ada berkata pada satu riwayat, " لَمْ يَرُزِّلْ بَقْنَتْ فِي الصَّبَحِ حَتَّىْ فَارَقَ الدُّنْيَا" Yang bererti sentiasa Nabi membaca *qunut* pada sembahyang subuh sehingga wafat ia *majmu' Sharh al-muhadhhah*

Masalah Bertawasul (برتوسل)

Bertawassul itu maksudnya menuntut syafa'at dengan *anbiya'*, *aulia'*, *shuhada'* dan *salihin*. Dan dengan segala perbuatan yang kebaikan pada ketika datang hajat dunia dan akhirat.

Hukumnya: Bertawassul itu hukumnya harus bahkan disunat oleh setengah ulama' bukannya *bid'ah dhalalah*.

Dalilnya :

(1) Firman Allah Ta'ala "يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ" Yang bererti : Hai segala mereka yang beriman takut oleh kamu akan Allah, dan tuntut oleh kamu kepadanya akan wasilah.

(2) Telah meriwayat oleh Ibn Majah dengan Sayyidina yang Sahih daripada Abi Said al- hadri من خرج من بيته الى الصلاة فقال اللهم انى أستلك بحق السائلين r.a berkata ia, "telah bersabda Rasullullah s.a.w عليه, أستلك بحق مشاهي هذا اليك. فاني لم اخرج أشا ولا بطراء ولا رباء ولا اللهم" بحق السائلين عليه Yang bererti barangsiapa keluar daripada rumahnya kepada tempat sembahyang maka berkata ia, "hingga akhirnya" nescaya berhadap Allah Ta'ala kepada orang itu dengan mukanya dan meminta ampun baginya tujuh puluh ribu malaikat. Dan telah meriwayat seumpama Hadith

Imam Ahmad dan Ibn Khuzimah di dalam Sahihnya dan Abu Naim di dalam kitab *Ummu al-Yum wa Lailah* dan Baihaqi di dalam kitab *al-Da'wah* dan Tabrani di dalam kitab *al-Duat*. Demikian juga riwayat Ibn Sani daripada Sayyidina Bilal r.a bahawa Nabi s.a.w sendiri ada membaca doa itu pada tiap-tiap kali ia keluar kepada sembahyang dan lafaz doanya. بِسْمِ اللَّهِ أَمَدَنْتُ بِأَنَّهُ وَتُوكِلْتُ عَلَىٰ

(3) Telah meriwayat oleh Tarmidhi Nasa'i, Baihaqi dan Tabrani dengan *Isnad* yang saih daripada Uthman bin Hanif r.a bahawasanya datang seorang laki-laki yang buta kepada Rasullullah s.a.w, maka berkata ia, "Berdoa olehmu akan Allah bahawa menyembuh akan daku" Berkata Rasulullah s.a.w, "Jika engkau kehendaki nescaya aku berdoa dan jika engkau sabar maka itu terlebih baik berkata ia, Berdoa olehmu", maka Rasulullah s.a.w menyuruh ia mengambil *wudu'* dan mengelok akan *wudu'nya* dan berdoa ia dengan doa ini اللهم انى اسألك واتوجه اليك محبة محمد نبى الرحمة يا محمد انى اتوجه بك الى ربى فى حاجتى "لتقضينى اللهم شفعه فى " maka kembali ia dan sesungguhnya telah melihat ia Berkata Uthman yang anak Hanif tidak sempat kami keluar daripada majlis itu hingga masuk laki-laki itu kepada kami seolah-olah dia tidak pernah buta sebelum ini – dan mengeluar Hadith ini pula oleh Bukhari di dalam tarikhnya dan Ibn Majah dan Hakim di dalam *Mustadrak* dengan *isnad* yang saih juga.

(4) Dan telah sabit bertawassul Sayyidina Mu'awiyah ketika meminta hujan dengan Yazid Ibn Al Aswad, katanya, "اللهم انا نستقى بيزيد الابن الاسود" Maka turun hujan dengan segera. Demikian juga bertawassul Sayyidina Umar dengan Sayyidina Asa bapa saudara Nabi, ketika meminta hujan juga dengan katanya, "اللهم انكنا اذا اقحطتنا توسل نا اليك بنبينا فتسقينا" Maka turunlah hujan dengan lebatnya. Riwayat al-Bukhari.

Keterangan

Difaham daripada firman Allah Ta'ala yang tersebut bahawa Tuhan menyuruh kita menuntut *wasilat* kepadanya. Sungguhpun cara-cara *wasilat* itu ditentukan sebagaimana yang telah maklum di sisi kita tetapi contoh-contohnya itu dapatlah difahami daripada Hadith-hadith yang tersebut itu serta firman Allah Ta'ala:

وَلَهُ أَنْهُمْ إِذَا ظَلَمُوكُمْ حَوَّلُوكُمْ فَاسْتَغْفِرُ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوْ جَدَ وَاللهُ تَوَابًا رَحِيمًا

yang bererti sungguhnya mereka(orang yang mukmin) ketika mereka mendalamai akan diri mereka datang sekalian mereka akan dikau; "Ya Muhammad maka mereka meminta ampun akan Allah Ta'ala dan meminta ampun bagi mereka oleh Rasullullah pula nescaya mereka mendapat akan Allah Ta'ala

sangat menerima taubat lagi amat kasih sayang kepada mereka". Tersebut di dalam *Taj Al Tafsir*, juzu' awal nombor 112. Bagi mentafsirkan makna *wasilat* yang tersebut pada ayat yang dahulu, katanya atau kamu tuntut seorang yang *alim* lagi *kamil* dan bertawassul kamu dengan dia kepada *hadrat* Tuhan kamu dan kamu tuntut hampir dengan dia kepada Tuhan kamu nescaya kamu dapat maksud kamu maka bahwasanya ia sebesar-besarnya *wasilat* ke *hadrat* Tuhan kamu maka tuntut oleh kamu dan mulia oleh kamu akan dia nescaya kamu dapat kemenangan. Dan tersebut pada *khabar* telah bersabda Nabi s.a.w; "الشيخ في قومه كالنبي في امته" استاًنك بحق الساللين عليك hingga akhir". Dan mengajar ia akan sahabatnya kifayah bertawassul. Dan Hadith di nombor empat menunjuk akan *tawassul* itu bukanlah tertentu dengan Nabi sahaja bahkan umum sama ada dengan Nabi atau lainnya.

Menolak Keterangan Yang Berlawan

Adapun dalil orang yang *makhum bid'ah* bertawassul itu iaitu firman Allah Ta'ala "ان الذين تدعون من دون الله عباد امثالكم" yang bererti bahwasanya mereka yang menyembah akan yang lain daripada Allah Ta'ala itu beberapa hamba seumpama kamu juga. Dan firmanNya "فلا تدع مع الله احدا" yang bererti ; Maka jangan kamu sembah serta Allah Ta'ala akan seorang yang lain daripadaNya. Maka kedua-dua ayat itu dan yang seumpamanya iaitu diturunkan atas orang yang kafir bukan diturunkan atas orang Islam. Dan yang dimaksudkan di dalam ayat itu menyembah akan yang lain daripada Allah Ta'ala sebagai Tuhan yang sebenar-benarnya, maka bertawassul itu bukanlah menyembah, bahkan *tabruk* yakni mengambil berkat dengan orang yang dimuliakan oleh Allah Ta'ala. Dan tidak sekali-kali mereka *iktiqad* atau terlintas di hati mereka bahawa orang yang *ditawassul* dengan dia itu sama ada hidup atau mati ada mempunyai kekuasaan seperti Tuhan yang sebenar kalau begitu hasha. Ada pula mereka yang berkata; "Adalah yang diperbuat oleh sahabat-sahabat dan lain-lainnya itu bertawassul dengan orang yang hidup maka iaitu harus. Adapun bertawassul yang ghalib diperbuat sekarang ini dengan orang yang telah mati maka adalah perkataan ini mentertawa-tawakan kanak-kanak dan orang yang bodoh-bodoh lebih-lebih lagi orang yang ada mempunyai ilmu pengetahuan seolah-olahnya orang yang hidup itu ada berkuasa dan orang yang sudah mati itu tiada berkuasa lagi." (نَعْوَذُ بِاللهِ مِن ذَلِكَ).


Sungguhpun bertawassul ini diharuskan oleh syara' tetapi bukanlah seperti yang diperbuat oleh orang-orang jahil di masa sekarang dengan membawa nasi kunyit atau melepaskan ayam putih di kubur-kubur yang mereka *iktiqad* keramatnya, maka yang demikian itu bukanlah cara yang dikehendaki oleh syara' dan boleh jadi haram.

Selesai dicatat pada 29 Rejab 1372 bersamaan 13 April 1953

Muzakarah

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

*Tarikh**Batavarian*



BIOGRAFI RINGKAS DR ABDUL HALIM MUHAMMAD

Dr. Abdul Halim bin Muhammad mendapat ijazah syariah dari Universiti AL-Azhar di Mesir pada tahun 1972, dan seterusnya dianugerahkan ijazah doktor falsafah (Ph.D.) pada tahun 1977 dari Universiti St Andrews, Scotland.

Dr. Ab Halim Muhammad memulakan karier beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Ketua Jabatan Al-Qur'an dan As-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam.

Beliau mengakhiri perjawatan beliau di UKM sebagai pensyarah di Fakulti Undang-undang. Dr. Ab. Halim Bin Muhammad berpengalaman sebagai penasihat syariah di beberapa buah institusi korporat seperti Tabung Haji, Bank Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Takaful Nasional dan Tabung Amanah Terengganu serta beberapa institusi seperti Bank Muamalat, Bank Rakyat, RHB dan Bank Pembangunan. Beliau telah menjadi Ahli Jawatankuasa Syariah di Al-'Aqar Healthcare REIT sejak tahun 2006. Beliau turut menganggotai Ahli Jawatankuasa Syariah ANGKASA serta pernah menjadi penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti. Beliau kini turut terlibat sebagai ahli Jemaah ulama' Majlis Agama Islam Kelantan.